# LAPORAN TAHUNAN 2017



## JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

### KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

BAB 1.indd 1 7/18/18 3:44 PM

# ISI KANDUNGAN


**PERUTUSAN KPPK** iv

01

**BAB 1: PROFIL KORPORAT** 1

1.1 Pengenalan 2
1.2 Visi, Misi, Objektif 2
1.3 Fungsi Jabatan 3
1.4 Piagam Pelanggan 3
1.5 Dasar Kualiti Jabatan 3
1.6 Pengurusan Tertinggi Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) 4
1.7 Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) 6

02

**BAB 2: SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA (SPKM)** 9

2.1 Pentauliahan 10
2.2 Persijilan 16
2.3 Program Antarabangsa Melalui Skills Malaysia Invite 19

03

**BAB 3: PEMERKASAAN SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA** 23

3.1 Pembangunan Dokumen Kerangka Pekerjaan 24
3.2 Pembangunan *National Occupational Skills Standard* (NOSS) 24
3.3 Artikulasi Program Kemahiran 26
3.4 Sistem Akreditasi Tunggal 29
3.5 Program E-Training 29
3.6 Kajian Pembangunan Latihan Kemahiran 31
3.7 Penyertaan JPK diperingkat Antarabangsa 32
3.8 Pematuhan Terhadap Dasar Dan Peruntukan Perundangan Di Bawah Akta 652 34
3.9 Projek Pembangunan JPK Di Bawah Rancangan Malaysia Ke-11 37
3.10 Program Pemerkasaan Pentauliahan Dan Pensijilan Kemahiran Malaysia 39
3.11 *Industry Lead Body* (ILB) 45

04

**BAB 4: PEMERKASAAN PERSONEL KEMAHIRAN** 47

4.1 Latihan Pra-Perkhidmatan 48
4.2 Latihan Dalam Perkhidmatan 49
4.3 Pembangunan Profil Pengajar Kemahiran (e-Profilling) 57
4.4 Pengurusan Personel Lantikan 58
4.5 Program Antarabangsa Untuk Pengajar TVET 61

05

**BAB 5: PERTANDINGAN KEMAHIRAN MALAYSIA** 65

5.1 Majlis Pertandingan Kemahiran Malaysia (MPKM) 66
5.2 Pertandingan Worldskills Malaysia Belia (WSMB) 66
5.3 Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2017 (MATEPM) 69
5.4 WorldSkills Competition (WSC) 2017 70
5.5 WorldSkills Malaysia Sarawak (WMS) 2017 78

06

**BAB 6: PENGURUSAN SUMBER MANUSIA** 81

6.1 Perjawatan 82
6.2 *Human Resources Management Information System* (HRMIS) 82
6.3 Kenaikan Pangkat Dan Pemangkuan 83
6.4 Pengurniaan Darjah Kebesaran 83
6.5 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 83
6.6 Jasamu Dikenang 85
6.7 Dalam Kenangan 85
6.8 Inovasi & Kreatif 86
6.9 Retreat JPK 2018-2020 & Business Plan 2018 89

07

**BAB 7: PROGRAM OUTREACH** 91

7.1. Program Kesedaran Bagi Memartabatkan Latihan Kemahiran 92
7.2. Majlis Konvokesyen 97
7.3 Seminar Industri Revolution 4.0 di Marriot Hotel Putrajaya 100
7.4. Program Outreach JPK Wilayah 100

08

**BAB 8: AKTIVITI SOSIAL & REKREASI** 119

8.1 Aktiviti Pertubuhan Kebajikan dan Sosial (PKS) 120
8.2 Aktiviti-Aktiviti Sosial JPK Wilayah 121
8.3 Persatuan Suri Dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA), JPK 122

09

**BAB 9: PENERBITAN, ARTIKEL DAN PENYIARAN** 123

9.1 Penerbitan 124
9.2 Artikel 125
9.3 Penyiaran 129

**SIDANG REDAKSI** 130

**HUBUNGI KAMI** 131





BAB 1.indd 3 7/18/18 3:44 PM

# PERUTUSAN KETUA PENGARAH
## JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN



**Ts Nidzam Bin Kamarulzaman JSM**
Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran

> PELBAGAI PROGRAM YANG DIRANCANG PADA TAHUN 2017 TELAH DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN JAYANYA HASIL KERJASAMA YANG DITUNJUKKAN OLEH SEMUA BAHAGIAN DI JPK DAN PEJABAT WILAYAH. KEJAYAAN MEMBAWA PULANG DUA (2) PINGAT GANGSA DI WORLD SKILLS COMPETITION (WSC) ABU DHABI 2017 DALAM BIDANG AUTOMOBILE TECHNOLOGY DAN COOKING MENUNJUKKAN TAHAP KEMAHIRAN DI NEGARA INI SETANDING DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU.

Assalamualaikum Wbt dan Salam Sejahtera,

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) yang telah memberi komitmen yang tinggi dan terpuji dalam menjayakan penerbitan Buku Laporan Tahunan JPK 2017. Selain daripada menunjukkan keberhasilan strategi yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017, buku laporan ini juga merupakan kayu pengukur dalam menilai prestasi JPK sebagai badan penyelaras latihan kemahiran di Malaysia.

Penjenamaan TVET Malaysia yang telah dilancarkan dan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 September 2017 dan penegasan semula dalam Ucapan Bajet 2018, menunjukkan bahawa Kerajaan beriltizam mempertingkatkan keupayaan dan keberkesanan TVET dengan kolaborasi strategik antara semua pihak berkepentingan terutama tujuh (7) Kementerian yang terlibat secara langsung dengan TVET. Ini merupakan satu peristiwa penting yang perlu diberi perhatian oleh Jabatan supaya apa yang diimpikan oleh YAB Perdana Menteri menjadi kenyataan.

Selain itu juga, pelbagai program yang dirancang pada tahun 2017 telah dapat dilaksanakan dengan jayanya hasil kerjasama yang ditunjukkan oleh semua Bahagian di JPK dan Pejabat Wilayah. Kejayaan membawa pulang dua (2) pingat gangsa di World Skills Competition (WSC) Abu Dhabi 2017 dalam bidang *Automobile Technology dan Cooking* menunjukkan tahap kemahiran di negara ini setanding dengan negara-negara maju.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga JPK yang sentiasa memberi sokongan dan kerjasama untuk memastikan JPK terus berada di persada kecemerlangan. Saya berharap kita semua terus bersatu hati untuk bergerak seiringan dalam mengharungi cabaran bagi memastikan JPK sentiasa gemilang dan terbilang.

Sekian

Ts Nidzam Bin Kamarulzaman JSM
Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia



BAB 1.indd 5 7/18/18 3:44 PM

BAB 1.indd 6 7/18/18 3:44 PM

# BAB 1:
# PROFIL KORPORAT

BAB 1.indd 1 7/18/18 3:44 PM

## 1.1 Pengenalan

# PENGENALAN

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) berfungsi sebagai badan penyelaras perancangan dan pembangunan latihan vokasional kebangsaan dengan fokus utama kepada aktiviti latihan dan persijilan kemahiran. Tujuan utama penubuhan JPK adalah untuk memastikan keberkesanan pembangunan tenaga kerja mahir yang bersesuaian objektif dan strategi pembangunan kemahiran untuk keperluan industri negara.

## 1.2 Visi, Misi, Objektif

### VISI

Peneraju dalam pembangunan sumber manusia mahir bertaraf dunia

### MISI

Membangunkan sumber manusia yang berpengetahuan ( k-pekerja ) yang berdaya saing.

### OBJEKTIF

- Menyelaras dan mengawal pelaksanaan latihan kemahiran bagi melahirkan K-Pekerja untuk keperluan pekerjaan dan pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa.
- Menyelidik dan membangun standard kekompetenan pekerjaan dan kepakaran bagi meningkatkan kualiti sumber manusia mahir berterusan ke arah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.



BAB 1.indd 2 7/18/18 3:44 PM

1.3 Fungsi Jabatan

# FUNGSI JABATAN

- Menilai keperluan latihan
- Melaksanakan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia
- Mempromosi sistem latihan kemahiran
- Membantu meningkatkan keupayaan kemahiran individu
- Menjalankan kajian dan penyelidikan berkaitan latihan kemahiran
- Membangun, melulus dan menyemak Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)

1.4 Piagam Pelanggan

# PIAGAM PELANGGAN

- Membangunkan sumber manusia mahir dan berkualiti melalui pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) dan mencapai sekurang-kurangnya 90% siap pembangunan NOSS dalam tempoh enam (6) bulan bagi setiap NOSS.

- Melahirkan pekerja mahir bagi menampung keperluan industri negara melalui pentauliahan program latihan kemahiran di pusat bertauliah dan mencapai sekurang kurangnya 90% siap proses pentauliahan dalam tempoh tiga (3) bulan bagi setiap permohonan.

1.5 Dasar Kualiti Jabatan

# DASAR KUALITI JABATAN

- JPK beritizam untuk melahirkan pekerja mahir yang berkualiti melalui sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) dengan cekap, telus, berkesan dan berkualiti bagi memenuhi kehendak pihak berkepentingan dan pelanggan dan selaras dengan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) yang diwujudkan.

- JPK juga komited untuk membuat penambahbaikan yang berterusan ke atas SPK dan menilai semua objektif kualiti yang ditetapkan bagi memastikan ianya sentiasa relevan dan sesuai selaras dengan perubahan teknologi dan kehendak pelanggan dari semasa ke semasa.





BAB 1.indd 3 7/18/18 3:44 PM

# PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (JPK)



TS NIDZAM BIN KAMARULZAMAN JSM
**KETUA PENGARAH**



DR. MOHD RASHID BIN BUYONG HAMZAH
**TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)**



TUAN HJ. SUIMI BIN ABD MAJID
**PENGARAH CIAST**



DR. MOHAMAD BIN SULAIMAN
**PENGARAH BHG. PMO**



PN. ZULEAH BT DARSONG
**PENGARAH BHG. MOSQ**



EN. MOHAMAD BIN YAACOB
**PENGARAH BHG. SLDN**



EN. MOHD SUKRI BIN ISMAIL
**PENGARAH BHG. KS**



DR. HJH. RUMINAH BT MUHAMMAD ZAIN
**PENGARAH BHG. PP&P**



PN. SAPINAH BT YUSOFF
**PENGARAH BHG. KPSM**



BAB 1.indd 4 7/18/18 3:44 PM



EN. KAMALUDIN BIN TOMIRAN
**PENGARAH BHG. P&KS**



TN. HJ. MOHD YAZID BIN AWALLUDIN
**PENGARAH BHG. NOSS**



PN. MEENA A/P RAMALINGAM
**PENGARAH W. TENGAH**



PN. WAN FADZILAH BT WAN DAGANG
**PENGARAH W.TIMUR**



EN. MOHD AZMIR BIN AHMAD
**PENGARAH W. UTARA**



EN. ABDUL HALIM BIN HASAN
**PENGARAH W. SELATAN**



EN. AZMI BIN PELAH
**PENGARAH W. SABAH**



EN. ZAID BIN MAT SAN
**PENGARAH W. SARAWAK**



BAB 1.indd 5 7/18/18 3:45 PM

## 1.7 Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK)

# MAJLIS PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN (MPKK)

MPKK ditubuhkan di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) dengan fungsinya:-




Anggota Majlis MPKK mempunyai 21 orang. Mantan Pengerusi Majlis, YBhg. Dato' Sri Adenan Bin Ab. Rahman telah bersara pada 4 Oktober 2017 dan digantikan dengan YBhg. Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas. Berikut adalah Anggota Majlis yang telah dilantik dari 16 Ogos 2016 sehingga 15 Ogos 2019.

| Bil | Anggota Majlis | Agensi |
|---|---|---|
| 1 | YBhg. Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas | Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Manusi (Pengerusi) |
| 2 | YBhg. Dato' Mohamed Elias Bin iAbu Bakar | Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), Kementerian Sumber Manusia (KSM) (Timbalan Pengerusi) |
| 3 | En. Nidzam Bin Kamarulzaman | Ketua Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) |
| 4 | YBrs. Dr. Maziah bt. Che Yusoff | Unit Perancang Ekonomi (UPE) |
| 5 | YBhg. Datin Dr. Rosslina Binti Ahmad Mokhtar | Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) |
| 6 | En. Zainuren Bin Hj Mohd Nor | Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) |
| 7 | YBrs. Dr. Mohammad Naim Bin Yaakub | Jabatan Pendidikan Politeknik, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) |
| 8 | YBrs. Dr. Hajah Wasitah Binti Haji Mohd Yusof | Kementerian Belia dan Sukan (KBS) |
| 9 | En. Mahzan Bin Teh | Majlis Amanah Rakyat (MARA) |
| 10 | Tn. Hj. Mohd Sufian Bin Sulaiman | Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA) |
| 11 | En. Mohd Nazli bin Ahmad Mahyadin | Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) |
| 12 | YBhg. Tan Sri Dato' Prof. Dr. James Alfred | The Chartered Institute of Marketing Malaysia (CIM) |
| 13 | YBhg. Dato' Dr. Ir. Andy Seo KianHaw | Persatuan Teknologi Malaysia (TAM) |
| 14 | YBhg. Datuk Hj. Shamsuddin bin Bardan | Persatuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) |



BAB 1.indd 6 7/18/18 3:45 PM

| Bil | Anggota Majlis | Agensi |
|---|---|---|
| 15 | En. Jey Kumar a/l P Raman | Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) |
| 16 | En. Davies Danavaindram a/l Arputhasamy | Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) |
| 17 | En. Johann Daniel Maximilian Bernbeck | Malaysian German Chamber of Commerce & Industry (MGCC) |
| 18 | En. Sailanatan a/l Podian | Federation of JPK Accredited Centers Malaysia (FeMAC) |
| 19 | Pn. Sarojini Ruth Rajahser | National Association of Women Entrepreneurs of Malaysia (NAWEM) |
| 20 | YBhg. Datuk Dr. Mohd Yaakub Hj. Johari | Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA) |
| 21 | YBrs. Dr. Ngui Kwang Sing | Sarawak Chamber of Commerce & Industry (SCCI) |

Sebanyak empat (4) mesyuarat MPKK telah diadakan pada tahun 2017, dan 7 kertas pembentangan telah dibentangkan dalam mesyuarat tersebut. Senarai tajuk pembentangan adalah seperti berikut:

1. Projek Pembangunan Profil Kompetensi Pengajar Kemahiran Malaysia (eProfiling) dibentangkan oleh Pengarah CIAST.
2. SLDN: Industri Sebagai Penggerak Latihan Ke Arah Memenuhi Keperluan Negara dibentangkan oleh Pengarah SLDN, JPK.
3. Cadangan Membangunkan Pensijilan Kemahiran Malaysia Tahap 6 Dan Ke Atas dibentangkan oleh Pengarah PPP, JPK.
4. Pencapaian 2017 dan Perancangan 2018 JPK dibentang oleh Ketua Pengarah JPK
5. Sistem Akreditasi Tunggal dibentangkan oleh Pengarah MOSQ, JPK.
6. Malaysia Board of Technologies (MBOT) dibentangkan oleh pegawai dari MBOT
7. Rangka Pelan TVET Malaysia – Isu Dan Cabaran dibentangkan oleh Pengarah PPP, JPK.

**Tiga (3) Jawatankuasa telah ditubuhkan bagi memperkasakan peranan MPKK iaitu**

**01**

**Jawatankuasa Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan Kemahiran (JPPKK)**
Bertanggungjawab terhadap permohonan bagi penilaian penyetaraan program persijilan kemahiran Malaysia dengan kelayakan kemahiran lain yang dikeluarkan oleh mana-mana badan atau organisasi di dalam dan di luar Malaysia (kecuali bagi program atau kelayakan yang dikeluarkan oleh badan professional seperti CIDB, Suruhanjaya Tenaga dan lain-lain).

**02**

**Jawatankuasa Teknikal Standard (JTS)**
Bertanggungjawab mengesahkan dan memperakui standard telah dibangunkan selaras dengan keperluan industri negara untuk kelulusan MPKK.

**03**

**Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK)**
Bertanggungjawab bagi memberi khidmat menasihati dan membantu JPK berkaitan pembangunan kurikulum dan mengenal pasti keperluan latihan sejajar dengan keperluan industri terkini.



BAB 1.indd 8 7/18/18 3:45 PM

# BAB 2:
# SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA (SPKM)

Anualreport JPK2018 BAB 2.indd 9 7/18/18 10:51 AM

# SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA (SPKM)



Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) adalah polisi, mekanisme dan tatacara yang terlibat dalam penganugerahan SKM/DKM/DLKM oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran berteraskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) meliputi lima (5) tahap persijilan iaitu Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1, Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2, Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5.




- Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1
- Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2
- Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3
- Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4
- Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5

## 2.1 Pentauliahan

Dalam usaha untuk membangunkan modal insan bertaraf dunia, usaha yang komprehensif dan bersepadu adalah sangat diperlukan daripada sektor awam dan swasta serta masyarakat. Antara strategi diatur dan dilaksanakan untuk mengarusperdanakan dan memperluas akses kepada latihan kemahiran yang berkualiti antaranya adalah mentauliahkan lebih banyak penyedia latihan kemahiran dalam pelbagai bidang. JPK memberi pentauliahan kepada organisasi-organisasi merangkumi institusi latihan awam dan swasta serta syarikat-syarikat yang mempunyai latihan dalaman yang memenuhi kriteria-kriteria tertentu untuk menjalankan latihan dan penilaian terhadap pelatih-pelatih/pekerja-pekerja mereka dan memastikan mutu penilaian adalah memenuhi apa yang dihasratkan oleh JPK sebagai badan persijilan kemahiran. Pentauliahan dilaksanakan melalui dua kaedah seperti Pusat Bertauliah (PB) dan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN).




Carta 2.1: Statistik Program Bertauliah mengikut Tahap.

### Jadual 2.1 : Statistik Program Bertauliah Mengikut Sektor

| No. | Sektor | Bilangan Program | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | | Kerajaan | Swasta | |
| 1 | Pemesinan & Peralatan | 940 | 335 | 1275 |
| 2 | Elektrik & Elektronik, Telekomunikasi & Industri Penyiaran | 763 | 226 | 989 |
| 3 | Hospitaliti & Pelancongan | 335 | 442 | 777 |
| 4 | Pengangkutan | 483 | 257 | 740 |
| 5 | Tekstil & Pakaian | 494 | 143 | 637 |
| 6 | Teknologi Maklumat & Komunikasi | 179 | 280 | 459 |
| 7 | Pengurusan Bisnes | 180 | 236 | 416 |
| 8 | Bangunan & Pembinaan | 337 | 38 | 375 |
| 9 | Perkhidmatan & Penyelenggaraan Mekanikal & Elektrik | 269 | 57 | 326 |
| 10 | Perubatan & Farmaseutikal | 70 | 188 | 258 |
| 11 | Pertanian & Asas Tani | 163 | 26 | 189 |
| 12 | Sumber Asas | 77 | 12 | 89 |
| 13 | Minyak & Gas | 71 | 7 | 78 |
| 14 | Pendidikan & Perkhidmatan Latihan | 15 | 58 | 73 |
| 15 | Percetakan | 30 | 9 | 39 |
| 16 | Lanskap & Alam Sekitar | 29 | 3 | 32 |
| 17 | Penjagaan & Perkhidmatan Komuniti | 12 | 11 | 23 |
| 18 | Perniagaan Secara Distributif | 9 | 10 | 19 |
| 19 | Hiasan Dalaman | 12 | 3 | 15 |
| 20 | Bahan | 15 | 0 | 15 |
| 21 | Pertahanan & Perkhidmatan Keselamatan | 6 | 8 | 14 |
| 22 | Sektor Seni & Kebudayaan | 12 | 2 | 14 |
| 23 | Kimia | 1 | 9 | 10 |
| 24 | Industri Perkhidmatan Logistik Bersepadu | 1 | 8 | 9 |
| 25 | Cenderahati & Industri Kecil | 7 | 2 | 9 |
| 26 | Standard Keterampilan Kebangsaan (NCS) | 0 | 6 | 6 |
| 27 | Bioteknologi | 3 | 0 | 3 |
| 28 | Industri Halal | 0 | 1 | 1 |
| 29 | Pembungkusan | 0 | 0 | 0 |
| 30 | Industri Perlombongan | 0 | 0 | 0 |
| **Jumlah** | | **4513** | **2377** | **6890** |

### 2.1.1 Pusat Bertauliah (PB)

Sepanjang **tahun 2017,** sebanyak **6,890** program berasaskan NOSS telah ditauliah melibatkan sebanyak **1,277** PB. Statistik bilangan keseluruhan PB dan program mengikut negeri dan kategori pusat adalah seperti di rajah di bawah.






Anualreport JPK2018 BAB 2.indd 12 7/18/18 10:51 AM




Rajah 2.1 Statistik pusat bertauliah JPK mengikut negeri dan kategori pusat sehingga 31 Disember 2017



Anualreport JPK2018 BAB 2.indd 13 7/18/18 10:51 AM

### 2.1.2 Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)

Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang merupakan agenda negara, telah berjaya menarik minat pihak industri untuk melaksanakan program latihan di tempat kerja. Program SLDN mula diperkenalkan pada tahun 2005 pada penghujung Rancangan Malaysia Ke-Lapan (RMKe-8) dan masih diteruskan sehingga dalam RMKe-11 (2017 sehingga 2020). Jadual 1 menunjukkan latihan kemahiran yang dijalankan di bawah Program SLDN.

**Jadual 2.2: Program SLDN yang telah dijalankan sehingga 2017**

| Nama Program | Golongan Sasar | Jenis Persijilan | Jumlah Perantis |
|---|---|---|---|
| SLDN Biasa | Terbuka kepada lepasan sekolah, pekerja sedia ada ataupun graduan menganggur yang berminat untuk menjalani latihan kemahiran | SKM 1 – 3, DKM 4 & DLKM 5 | 39,507 |
| Program Khas | Pelajar yang tidak menamatkan 11 tahun persekolahan (pelajar tercicir) | SKM 1&2 | 23,777 |
| In-House Training | Pekerja sedia ada dan bakal pekerja yang menjalani latihan sepenuhnya di tempat kerja | SKM 1 – 3, DKM 4 & DLKM 5 | 21,866 |
| Program Insentif | Terbuka kepada lepasan sekolah, pekerja sedia ada ataupun graduan menganggur yang berminat untuk menjalani latihan kemahiran | SKM 1 – 3 | 3,136 |
| Peningkatan Tahap | Perantis yang telah memperolehi SKM 2 untuk meningkatkan tahap kemahiran kepada tahap lebih tinggi iaitu SKM 3 & DKM | SKM 3, DKM 4 & DLKM 5 | 6,206 |
| 1MASTER Dual-NDTS | Pekerja sedia ada | Penyata Pencapaian | 3,310 |

Penyertaan Pusat Bertauliah SLDN adalah melibatkan Agensi Awam dan Swasta. Bagi kategori syarikat dan pusat latihan, penyertaan sehingga Disember 2017 adalah sebanyak 335 buah Pusat Bertauliah awam (6%) dan 2,297 buah Pusat Bertauliah swasta (44%). Penyertaan secara keseluruhannya mengikut kategori adalah sebanyak 2,632 bersamaan dengan (50%) sehingga Disember 2017.




**Rajah 2.2: Jumlah penyertaan Syarikat SLDN mengikut kategori bagi keseluruhan tahun 2005 – 2017**



Anualreport JPK2018 BAB 2.indd 14 7/18/18 10:51 AM

Melalui Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11), kerajaan telah memperkasakan pembangunan modal insan yang menumpukan kepada pembelajaran sepanjang hayat melalui Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional atau TVET. Program SLDN disesuaikan daripada model latihan TVET di Negara Jerman dijangka dapat meningkatkan jumlah pelatih pada tahun 2020. Perincian maklumat adalah seperti jadual di bawah.

**Jadual 2.3: Bilangan Keseluruhan Perantis dan Syarikat dalam Program SLDN**

| Tahun | Biasa | | In-house Training | |
|---|---|---|---|---|
| | Perantis | Syarikat | Perantis | Syarikat |
| 2005 | 70 | 4 | - | - |
| 2006 | 163 | 3 | - | - |
| 2007 | 1,878 | 36 | - | - |
| 2008 | 5,912 | 297 | - | - |
| 2009 | 15,705 | 642 | - | - |
| 2010 | 1,293 | 46 | - | - |
| 2011 | 1,117 | 91 | 574 | 9 |
| 2012 | 1,661 | 138 | 3,487 | 56 |
| 2013 | 2,369 | 257 | 4,627 | 361 |
| 2014 | 3,186 | 279 | 4,148 | 430 |
| 2015 | 2,746 | 265 | 2,775 | 376 |
| 2016 | 2,032 | 224 | 3,316 | 407 |
| 2017 | 1,375 | 124 | 2,939 | 364 |
| **Jumlah** | **39,507** | **2,406** | **21,866** | **2,003** |

**Jadual 2.4: Bilangan Perantis dan Syarikat dalam Program SLDN di bawah RMKe-10 & RMKe-11**

| Tahun | Khas | | Insentif | | Peningkatan Tahap | | NBOS 1Master | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Perantis | Syarikat | Perantis | Syarikat | Perantis | Syarikat | Perantis | Syarikat |
| 2011 | 5,256 | 253 | - | - | - | - | - | - |
| 2012 | 0 | 0 | 979 | 55 | - | - | - | - |
| 2013 | 4,953 | 276 | 812 | 61 | 875 | 79 | - | - |
| 2014 | 2,627 | 236 | 498 | 39 | 812 | 99 | 876 | 91 |
| 2015 | 2,701 | 250 | 526 | 58 | 1,116 | 107 | 2,434 | 46 |
| 2016 | 4,544 | 360 | 321 | 26 | 1,793 | 184 | 0 | 0 |
| 2017 | 3,696 | 351 | 0 | 0 | 1,610 | 186 | 0 | 0 |
| **Jumlah** | **23,777** | **1,726** | **3,136** | **239** | **6,206** | **655** | **3,310** | **137** |

**Jadual 2.5: Ringkasan Pelaksanaan SLDN sehingga 2017**

| Ringkasan Pelaksanaan SLDN dari 2005 hingga 31 Disember 2017 | | | |
|---|---|---|---|
| Kategori | Bulan Dis 2017 | Tahun 2017 | Keseluruhan (bermula 2005) |
| Pentauliahan Pusat Latihan | 3 | 50 | 2,632 |
| Pentauliahan Syarikat | 15 | 212 | 5,282 |
| Pendaftaran Perantis | 653 | 9,620 | 97,802 |
| Persijilan | 354 | 8,380 | 63,157 |

## 2.2 Persijilan

Pada Disember 2017, sejumlah 105,887 Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) telah dianugerahkan kepada pelatih dan perantis yang berjaya menamatkan latihan dalam pelbagai program. Persijilan tersebut diperolehi melalui tiga kaedah seperti berikut:

**A** Pusat Bertauliah (PB)

**B** Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)

**C** Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)

**Jadual 2.6: Statistik persijilan yang telah dikeluarkan oleh JPK mengikut 3 kaedah berikut sehingga Disember 2017**

| Tahap | Kaedah Persijilan | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pusat Bertauliah | | | | PPT | | SLDN | | Jumlah | |
| | Biasa | | NDT | | | | | | | |
| | SKM | PC | SKM | PC | SKM | PC | SKM | PC | SKM | PC |
| Tahap 1 | 4,317 | 22 | 123 | - | 1,416 | 2 | 1,188 | 29 | 7,044 | 53 |
| Tahap 2 | 32,930 | - | 109 | - | 4,387 | 21 | 4,535 | 84 | 41,961 | 105 |
| Tahap 3 | 33,241 | 81 | - | - | 8,946 | 132 | 2,440 | 42 | 44,627 | 255 |
| Tahap 4 | 9,249 | - | - | - | 1,743 | - | 44 | 0 | 11,036 | - |
| Tahap 5 | 193 | - | - | - | 1,008 | - | 18 | 0 | 1,219 | - |
| **Jumlah** | **79,930** | **103** | **232** | **-** | **17,500** | **155** | **8,225** | **155** | **105,887** | **413** |

### 2.2.1 Persijilan melalui Pusat Bertauliah

#### i. Penganugerahan Sijil Kemahiran Malaysia Melalui Pentauliahan Induk

Bagi tujuan penyelarasan perancangan dan pelaksanaan latihan kemahiran, SistemPersijilan Tunggal (SPT) melalui SPKM diwujudkan dimana proses pentauliahan, jaminan kualiti dan persijilan program kemahiran diseragamkan. Dasar pelaksanaan SPT diwujudkan bagi mendapat persetujuan bersama antara pelbagai agensi yang menjalankan latihan kemahiran di Malaysia. Bagi merealisasikan perkara tersebut, Pentauliahan Induk diwujudkan bagi memudahkan agensi-agensi berkaitan mengaplikasikan SPKM dengan lebih sistematik dan berkesan. Sehingga kini terdapat tiga (3) agensi yang melaksanakan Pentauliahan Induk iaitu GIATMARA, MARA, dan Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV).




**Rajah 2.3: Statistik Pentauliahan Induk**




Anualreport JPK2018 BAB 2.indd 16 7/18/18 10:51 AM

**ii. Persijilan Tahap Tunggal (Single-Tier)**

Persijilan Tahap Tunggal adalah satu kaedah persijilan di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) di mana pelatih akan didaftarkan pada tahap tertinggi mengikut kumpulan program bertauliah. Objektif Persijilan Tahap Tunggal adalah untuk meningkatkan bilangan tenaga mahir negara dengan mempersijilkan pelatih sekurangkurangnya pada tahap tiga (3). Sehingga bulan Disember 2017, sebanyak **409 PB** menjalankan program Persijilan Tahap Tunggal yang melibatkan **1075 kumpulan program.**

### 2.2.2 Penganugerahan Sijil Kemahiran Malaysia Melalui Pusat Bertauliah PPT

Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) merupakan satu kaedah untuk memberi pengiktirafan kepada mana-mana individu yang boleh membuktikan keterampilan yang digariskan di dalam NOSS berdasarkan kepada pengalaman dan pencapaian terdahulu yang dimiliki. Selain dari dilaksanakan secara terus dengan JPK, ia juga turut boleh dilaksanakan melalui PB yang berkelayakan yang dinamakan sebagai PB-PPT.

Tujuan utama PPT diwujudkan adalah untuk memberi pengiktirafan terhadap ketrampilan yang dimiliki oleh seseorang individu yang diperolehi melalui pengalaman kerja , pengalaman hidup dan latihan formal atau tidak formal. Semua individu yang memenuhi syarat tempoh pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan serta yangsyarat  yang ditetapkan oleh JPK.







Rajah 2.4: Jumlah Pusat Bertauliah Program PPT sehingga 31 Disember 2017



Anualreport JPK2018 BAB 2.indd 17 7/18/18 10:51 AM




Rajah 2.5: Bilangan persijilan SKM-PPT mengikut sektor pada tahun 2017



Anualreport JPK2018 BAB 2.indd 18 7/18/18 10:51 AM

Antara faedah PPT adalah:

### 2.2.3 Persijilan melalui SLDN

Pengeluaran SKM melalui kaedah SLDN pada tahun 2017 adalah sebanyak 8,225 dan 155 bagi persijilan secara PC. Secara keseluruhan, sebanyak 63,157 sijil telah dikeluarkan semenjak tahun 2005 seperti Carta 2.2 di bawah:




**Carta 2.2: Perincian pengeluaran sijil melalui kaedah SLDN sehingga Disember 2017**

## 2.3 Program Antarabangsa Melalui Skills Malaysia Invite

JPK bertanggungjawab menyelaraskan pelaksanaan program Antarabangsa Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (atau lebih dikenali sebagai SkillsMalaysia INVITE). SkillsMalaysia INVITE merupakan inisiatif daripada pihak kerajaan yang direka khusus untuk para pelajar antarabangsa. Matlamat utama program ini dibangunkan adalah bertujuan mengantarabangsakan Persijilan Kemahiran Malaysia serta melahirkan graduan mahir yang mempunyai pengetahuan komprehensif dalam aliran teknikal dan vokasional, dan seterusnya menjadikan mereka pekerja atau usahawan yang berkemahiran.

### 2.3.1 Pendaftaran Pelatih Antarabangsa

Sepanjang tahun 2017, seramai 378 pelatih antarabangsa telah mendaftar untuk menjalankan latihan kemahiran di Malaysia menjadikan jumlah keseluruhan adalah seramai 7,357 sejak tahun 2011. Statistik pendaftaran pelatih antarabangsa bagi tahun 2017 adalah seperti carta 2.3.




**Carta 2.3: Sasaran dan Pencapaian Pendaftaran Pelatih Antarabangsa dari Tahun 2013 hingga 2017**

Jadual 2.7: Statistik Pendaftaran Pelatih Antarabangsa mengikut PB bagi Tahun 2017

| Pusat Bertauliah | Bilangan pelajar | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| | Tahap 1 | Tahap 2 | Tahap 3 | Tahap 4 | |
| Akademi Kemahiran Minda Isbauk | - | 1 | 11 | 114 | 126 |
| City Advance Skill Academy | - | 62 | 17 | - | 79 |
| SG Akademi | - | 31 | 14 | 5 | 50 |
| Sunrise | - | - | 21 | - | 21 |
| Asean Culinary Academy | - | 8 | 6 | - | 14 |
| International Fashion Training Centre | 9 | 2 | 1 | - | 12 |
| RQC Management | - | - | 1 | 8 | 9 |
| Berjaya Higher Education | - | 4 | 4 | - | 8 |
| Marrie Fashion Academy | 8 | - | - | - | 8 |
| Cilantro Culinary Academy | - | 5 | 2 | - | 7 |
| Technic Campus International | - | - | 6 | - | 6 |
| Berlin Malaysia Institute | - | 5 | - | - | 5 |
| Maclearn International College For Professional & Skills | - | 5 | - | - | 5 |
| Kolej TOC | - | 3 | 2 | - | 5 |
| TMC Aesthetic Academy | - | 2 | 2 | - | 4 |
| Kolej Synergy | - | - | 1 | 1 | 2 |
| Noble School Of Engineering | - | 2 | - | - | 2 |
| Snips Academy | - | 2 | - | - | 2 |
| Kimarie Hair & Beauty Training Centre | - | 1 | 1 | - | 2 |
| Butter & Olive College Of Baking And Culinary Arts | - | 1 | - | - | 1 |
| Affinity Design Sdn Bhd | - | 1 | - | - | 1 |
| Golden Chef Culinary Academy | - | 1 | - | - | 1 |
| A Cut Above Studio And Academy | - | 1 | - | - | 1 |
| My Business Academy | - | 1 | - | - | 1 |
| Mastura International College | - | - | 1 | - | 1 |
| Issamay School Of Beauty | - | 1 | - | - | 1 |
| JJ-One Beauty Academy | - | 1 | - | - | 1 |
| AMS Academy | - | - | 1 | - | 1 |
| Impress-Esteem Beauty Treatment Academy | - | 1 | - | - | 1 |
| International Skills College | - | 1 | - | - | 1 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **17** | **142** | **91** | **128** | **378** |




Rajah 2.6: Statistik Pelatih Antarabangsa Mengikut Program bagi Tahun 2017

Jadual 2.8: Statistik Persijilan Pelatih Antarabangsa Mengikut Program bagi Tahun 2017

| Bil | Kod Program | Nama Program | Tahap | Bilangan Pelatih Antarabangsa |
|---|---|---|---|---|
| 1 | EE-320-2:2012 | Pemasangan & Penyelenggaraan Elektrik - Satu Fasa | 2 | 11 |
| 2 | HT-010-2:2012 | Operasi Servis Makanan & Minuman | 2 | 43 |
| 3 | HT-010-3:2012 | Operasi Servis Makanan & Minuman | 13 | 45 |
| 4 | HT-012-2:2012 | Penyediaan & Pembuatan Makanan | 2 | 16 |
| 5 | HT-012-3:2012 | Penyediaan & Pembuatan Makanan | 3 | 28 |
| 6 | HT-012-4:2011 | Perkhidmatan Penyediaan Dan Pembuatan Makanan | 4 | 1 |
| 7 | HT-090-2:2012 | Dandanan Rambut | 2 | 2 |
| 8 | HT-090-3:2012 | Dandanan Rambut | 3 | 2 |
| 9 | HT-110-3:2011 | Operasi Khidmat Tetamu | 3 | 3 |
| 10 | IT-020-3 | Juruteknik Sistem Komputer | 3 | 1 |
| 11 | IT-020-3:2013 | Operasi Sistem Komputer | 3 | 19 |
| 12 | IT-020-4:2012 | Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (Sistem Komputer) | 4 | 24 |
| 13 | IT-030-3:2013 | Perkhidmatan Rangkaian Komputer | 3 | 20 |
| 14 | IT-030-4:2013 | Pentadbiran Rangkaian Komputer | 4 | 12 |
| 15 | MP-060-2:2013 | Perkhidmatan Estetik | 2 | 7 |
| 16 | MP-060-3:2013 | Perkhidmatan Terapi Estetik | 3 | 2 |
| 17 | TA-011-1:2012 | Tpembuatan Pakaian Wanita | 1 | 4 |
| 18 | TA-011-2:2012 | Pembuatan Pakaian Wanita | 2 | 2 |
| 19 | TP-300-2:2013 | Automotif - Servis Selepas Jualan | 2 | 1 |
| 20 | TP-300-3:2013 | Automotif-Servis Selepas Jualan | 3 | 1 |
| 21 | TP-310-4 | Ahli Teknologi Elektrik Automotif | 4 | 1 |
| 22 | TP-711-2:2014 | Emu Set Inspection Work | 2 | 11 |
| **Jumlah** | | | | **256** |

# BAB 3:
# PEMERKASAAN SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA

BAB 3.indd 23 7/18/18 10:53 AM

# PEMERKASAAN SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA



## 3.1 Pembangunan Dokumen Kerangka Pekerjaan

Kerangka Pekerjaan atau Occupational Framework (OF) adalah produk yang dihasilkan dari analisis pekerjaan dan kajian yang dijalankan terhadap industri. Kandungan kerangka pekerjaan adalah struktur pekerjaan, definisi pekerjaan, deskripsi kerja, keperluan tenaga kerja dan gambaran menyeluruh sesuatu industri.




**Rajah 3.1: Senarai Tajuk Pembangunan OF pada tahun 2017**

## 3.2 Pembangunan National Occupational Skills Standard (NOSS)

Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) ataupun lebih dikenali sebagai *National Occupational Skills Standard* (NOSS) adalah asas dalam mempersijilkan tenaga mahir di Malaysia. Terdapat 3 kaedah pembangunan NOSS iaitu secara dalaman, secara luaran (*outsource*) dan melalui *Industry Lead Body* (ILB). Sebanyak 183 NOSS telah diluluskan di Mesyuarat Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) pada tahun 2017. Bilangan NOSS / NCS yang diluluskan bagi tahun 2017 adalah seperti carta 3.1.

**Kelulusan NOSS 2017**




| | 1/2017 | 2/2017 | 3/2017 | 4/2017 |
|---|---|---|---|---|
| NCS | 0 | 1 | 1 | 2 |
| Tahap 1 | 1 | 1 | 0 | 0 |
| Tahap 2 | 27 | 5 | 2 | 8 |
| Tahap 3 | 35 | 7 | 3 | 12 |
| Tahap 4 | 21 | 5 | 2 | 13 |
| Tahap 5 | 18 | 5 | 2 | 12 |

**Carta 3.1: Bilangan NOSS / NCS yang diluluskan oleh MPKK bagi tahun 2017 mengikut tahap**



BAB 3.indd 24 7/18/18 10:53 AM



*Mesyuarat Kerja Pemantauan Pembangunan Noss ILB & Penggunaan Kod MSIC 2008 18 – 19 Mei 2017, Hotel Dorsett, Putrajaya*



*Mesyuarat Kerja Penambahbaikan Daftar Noss Berpadukan Msic pada 18 – 19 Mei 2017, Hotel Grand Bluewave, Shah Alam*



*Mesyuarat Kerja Pembangunan OF Sektor Industri Perkhidmatan Pertahanan & Keselamatan Awam (TD) pada 23 – 26 Mei 2017, Hotel Grand Bluewave, Shah Alam*



*Mesyuarat JTP OF Sektor Industri Perkhidmatan Ketenteraan Dan Keselamatan Awam 11 – 13 Julai 2017, Hotel Shangri-La Putrajaya Pada*



*Mesyuarat Kerja Pembangunan OF Sektor Industri Perkhidmatan Polis pada 27 – 30 Julai 2017, Hotel Angkasa & , Langkawi*



*Mesyuarat Kerja Pembangunan OF Sektor Industri Perkhidmatan Pertahanan & Keselamatan Awam (TUDM) pada 2 – 6 Oktober 2017, Hotel Dorsett Putrajaya*



*Mesyuarat Kerja Pembangunan OF Sektor Industri Perkhidmatan Pertahanan & Keselamatan Awam (TD) pada 10 – 12 Oktober 2017, Hotel Royale Bintang Seremban*



*Mesyuarat JTPOF Fasa 1 Sektor Lanskap Dan Percetakan Di Hotel Palace Of The Golden Horses Pada 8 – 9 Mei 2017*



*Mesyuarat JTPOF Fasa 2 Sektor Lanskap Dan Percetakan Di Hotel Palace Of The Golden Horses Pada 16 – 17 Ogos 2017*



*Majlis Serahan Dokumen OF Sektor Lanskap Dan Percetakan Kepada Industri Pada 28 Nov 2017 Bertempat Di Hotel Palace Of The Golden Horses*



*Mesyuarat Kerjasama Strategik Bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman Pada 14 Disember 2014 Bertempat Di JPK, Cyberjaya*




*Mesyuarat JTP OF Sektor Industri Perkhidmatan Polis Bertempat Di Hotel Shangri-La Putrajaya Pada 25 Ogos 2017*



BAB 3.indd 25 7/18/18 10:53 AM

## 3.3 Artikulasi Program Kemahiran

Program Artikulasi merupakan inisiatif di dalam Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia 2016-2020 bagi meningkatkan pembangunan modal insan yang relevan, kompeten dan berdaya saing untuk memenuhi keperluan ekonomi Negara. Program ini bertujuan mewujudkan laluan artikulasi bagi pelajar Persijilan Kemahiran Malaysia yang lebih fleksibel untuk melanjutkan pelajaran pada tahap yang lebih tinggi (diploma ijazah) di Institut Pengajian Tinggi (IPT).

### 3.3.1 Artikulasi ke Program Ijazah Sarjana Muda IPT

JPK juga turut melaksanakan kolaborasi dengan empat (4) buah universiti MTUN (Malaysian Technical University Network) iaitu Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bagi memperluaskan akses lepasan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 atau Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5 melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

MTUN telah menawarkan kemasukan ke Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional Dengan Kepujian untuk sesi kemasukan 2017/2018 bagi lepasan DKM) / DLKM dalam bidang berkaitan. Permohonan adalah melalui laman sesawang UPU bermula 7 Februari hingga 7 April 2017. Program yang ditawarkan adalah seperti Rajah 3.2

UniMAP UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

- RY11 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Awam (Pembinaan
- RY31 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Elektrik (Kuasa Industri
- RY32 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Elektrik (Teknologi Robotik Dan Automasi)
- RY40 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Elektronik (Sistem Elektronik)
- RY41 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Elektronik (Rekabentuk Telekomunikasi Elektronik)
- RY43 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Elektronik (Rekabentuk Rangkaian Elektronik)
- RY44 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Elektronik (Elektronik Bersepadu)
- RY55 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Mekanikal (Pemesinan)
- RY57 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Mekanikal (Pembangunan Produk)

UMP

- JY90 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Pembuatan
- JY60 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Pengurusan Infrastruktur
- JY30 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Elektrikal



BAB 3.indd 26 7/18/18 10:53 AM

- CY31 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Elektrik (Kuasa Industri)
- CY32 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Elektrik (Automasi Industri & Robotik)
- CY41 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Elektronik (Telekomunikasi)
- CY42 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Elektronik (Elektronik Industri)
- CY51 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Mekanikal (Teknologi Automotif)
- CY52 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Mekanikal (Sistem Penyejukan dan Penyaman Udara)

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

- CY53 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Mekanikal (Teknologi Penyelenggaraan)
- CY81 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Komputer (Sistem Komputer)
- CY91 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Pembuatan (Proses & Teknologi)
- CY92 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Pembuatan (Reka Bentuk Produk)

UTHM

- BY11 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Awam (Pembinaan)
- BY31 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Mekanikal (Automotif)
- BY32 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Elektronik (Automasi Industri)
- BY33 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Elektrik (Kuasa Elektrik)
- BY55 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Mekanikal (Pembuatan)
- BY82 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Dengan Kepujian Elektronik (Komunikasi dan Komputer)
- BT61 Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional Dengan Kepujian Elektrik & Elektronik
- BT71 Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional Dengan Kepujian Penyejukbekuan & Penyaman Udara
- BT72 Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional Dengan Kepujian Pemesinan Am
- BT73 Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional Dengan Kepujian Binaan Bangunan
- BT74 Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional Dengan Kepujian Kimpalan & Fabrikasi Logam

Rajah 3.2: Program Ijazah Sarjana Muda Yang Ditawarkan MTUN kepada lepasan DKM / DLKM



BAB 3.indd 27 7/18/18 10:53 AM

### 3.3.2 Artikulasi ke Program Diploma IPT

Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP) telah menawarkan seramai **228** orang graduan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 3 ke program Diploma di Politeknik sejak tahun 2014. Bilangan graduan SKM tahap 3 yang telah melanjutkan pengajian ke Diploma Politeknik adalah seperti Rajah 3.3.




**Rajah 3.3: Bilangan graduan SKM tahap 3 yang telah melanjutkan pengajian ke Diploma Politeknik adalah seperti**

### 3.3.3 Aktiviti Program Artikulasi

Lima (5) siri taklimat kepada Pusat Bertauliah (PB) telah diadakan bertujuan :

- Pemakluman penerimaan lepasan DKM/DLKM ke program Ijazah Sarjana Muda di MTUN
- Keperluan penyediaan transkrip kepada lepasan DKM/DLKM yang memohon
- Persediaan & hala tuju PB untuk laluan pendidikan lepasan DKM/DLKM



*Taklimat Laluan Artikulasi Lepasan DKM / DLKM Ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam, 3 April 2017, CIAST, Shah Alam*



*Taklimat Laluan Artikulasi Lepasan DKM / DLKM Ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam pada 11 & 12 April 2017 JPK Wilayah Utara, Pulau Pinang*



*Taklimat Laluan Artikulasi Lepasan DKM /DLKM Ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam pada 5 & 7 April 2017, ILP Kota Samarahan & IKBN Miri, Sarawak*




*Platform permohonan transkrip bagi Lepasan DKM/ DLKM Tanpa PNGK secara dalam talian telah diwujudkan http://apps.dsd.gov.my/webjpk2/DKM5/login.php*

## 3.4 Sistem Akreditasi Tunggal

Selaras dengan RMKe-11, tadbir urus TVET akan diperkukuhkan untuk pengurusan yang lebih baik melalui penubuhan sistem akreditasi tunggal yang akan bertanggungjawab mengakreditasi program TVET yang ditawarkan oleh institusi TVET awam dan swasta berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF). JPK dan MQA selaku agensi pengakreditasi TVET dipertanggungjawabkan untuk memperhalusi penubuhan sistem akreditasi tunggal tersebut. Draf Panduan Standard dan draf Jaminan Kualiti TVET telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja MQA-JPK pada 7 November 2017 dan Mesyuarat Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) pada 27 November 2017. Mesyuarat tersebut bersetuju MQA akan membentangkan cadangan Sistem Akreditasi Tunggal ini di Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Modal Insan (MMI) yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah EPU. Seterusnya cadangan ini akan diangkat oleh EPU ke peringkat Majlis Modal Insan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

## 3.5 Program E-Training

Program E-Training dibangunkan bagi menyediakan platform pembelajaran secara atas talian. Program yang dibangunkan oleh syarikat Smart K-Worker Professional Consortium Sdn. Bhd. merangkumi aplikasi Learning Management System dan E-Portfolio bagi kegunaan pelatih Pusat Bertauliah dan juga calon yang memohon persijilan melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT). Syarikat Smart K-Worker Professional Consortium Sdn. Bhd. merupakan syarikat konsesi bagi projek Penswastaan Program E-Training. Tempoh bagi konsesi adalah selama tujuh (7) tahun bermula 1 Februari 2013 sehingga 30 Januari 2020. Objektif pelaksanaan konsesi penswastaan program E-Training adalah untuk membangunkan program E-Training yang merangkumi koswer E-Training dan sistem MyLMS (Learning Management System) yang mengandungi sistem eportfolio dan e-assessment. Sebanyak 26 koswer telah siap dibangunkan berdasarkan program NOSS dan disahkan oleh JPK. Senarai 26 koswer tersebut adalah seperti di Jadual 3.1

**Jadual 3.1: Senarai Koswer yang telah dibangunkan**

| Bil. | Kod Program | Tajuk Program |
|---|---|---|
| 1 | MC-024-2:2012 | SMAW Process |
| 2 | MC-026-3:2012 | GTAW Process |
| 3 | MC-025-3:2012 | GMAW Process |
| 4 | HT-090-2:2012 | Hairdressing |
| 5 | HT-090-3:2012 | Hairdressing |
| 6 | HT-110-3:2011 | Guest Service Operation |
| 7 | EE-320-2:2012 | Single Phase Electrical Installation & Maintenance |
| 8 | EE-320-3:2012 | Three Phase Electrical Installation & Maintenance |
| 9 | ME-020-2:2012 | HVAC Single Phase Air-Conditioning Equipment |
| 10 | ME-020-3:2012 | HVAC Installation and Maintenance Supervision |
| 11 | IT-070-4:2011 | Creative Content Development |
| 12 | ME-021-2:2012 | HVAC Three Phase Air-Conditioning Equipment |
| 13 | TA-011-1:2012 | Ladies Dressmaking |
| 14 | TA-011-2:2012 | Ladies Dressmaking |
| 15 | TA-011-3:2012 | Ladies Dressmaking |
| 16 | TP-306-2:2012 | Automotive Spray Painting |
| 17 | TP-307-2:2012 | Commercial Vehicle Maintenance |
| 18 | HT-023-3:2012 | Tourist Guide (City Guide) |
| 19 | TP-306-1:2012 | Automotive Spray Painting |
| 20 | MP-060-3:2013 | Aesthetic Therapy Services |
| 21 | MP-060-2:2013 | Aesthetic Services |
| 22 | HT-014-2:2012 | Pastry Production |
| 23 | HT-014-3:2012 | Pastry Production |
| 24 | TP-306-3:2012 | Automotive Spray Painting |
| 25 | FB-024-2:2012 | Office Administration |
| 26 | TP-307-3:2012 | Commercial Vehicle Maintenance |



BAB 3.indd 29 7/18/18 10:53 AM

Bagi mempromosikan E-Training dikalangan PB, satu pasukan "Core Team" yang terdiri daripada pegawai JPK di setiap bahagian dan wilayah telah ditubuhkan. Tujuan ahli "Core Team" ini dilantik adalah seperti berikut:

- **Untuk memainkan peranan aktif bagi memudahkan membuat keputusan untuk membolehkan kejayaan pelaksanaan program.**
- **Untuk membolehkan TOT dapat dilaksanakan.**
- **Sebagai peranan aktif dalam menggerakkan sumber yang diperlukan untuk membolehkan kejayaan pelaksanaan program.**
- **Berperanan sebagai duta dalam menyampaikan visi dan misi syarikat dalam membangunkan program ini.**
- **Memberi gambaran dan objektif yang jelas mengenai pelaksanaan program ini.**

Syarikat Smart K-Worker Professional Consortium Sdn. Bhd. telah menjalankan beberapa aktiviti promosi sepanjang tahun 2017 seperti di Jadual 3.2

**Jadual 3.2: Aktiviti Promosi sepanjang Tahun 2017**

| Bil | Tarikh | Program | Keterangan |
|---|---|---|---|
| 1 | 7 Mac 2017 | E-Training awareness for government Agencies and skill training associations | Sesi kesedaran di JPK untuk memperkenalkan program E-Training kepada agensi dan kesatuan yang berkaitan dengan latihan kemahiran. Antara yang hadir adalah pihak JTM, Giatmara, FeMAC dan GILKSB |
| 2 | Mac – Jun 2017 | Promosi program E-Training untuk pusat bertauliah dan pusat bertauliah SLDN (Program 'early takers') | Promosi Program 'early takers' bertujuan untuk mendapatkan pendaftaran permulaan daripada pusat bertauliah dan pusat bertauliah SLDN. Lebih dari 30 pusat bertauliah yang hadir dan 5 buah pusat bertauliah telah mendaftar. |
| 3 | 18 April 2017 | Promosi program E-Training kepada PERHEBAT | Promosi program E-Training kepada PERHEBAT, terutama untuk perlaksanaan program PPT bagi pesara tentera. |
| 4 | Jun - Disember 2017 | Smart-K E-training Immediate Deployment Program | Pengambilan dan latihan pantas untuk pusat bertauliah. |
| 5 | 19 Julai 2017 | Promosi program PPT kepada IIUM Centre for Continuing Education (ICCE) | Mula mempromosikan program PPT kepada ICCE terutamanya untuk pendidikan awal kanak-kanak. |
| 6 | 8 Ogos 2017 | Channel Partner Refresher Program di Bangi | Kursus PPT. Berkongsi perkembangan terkini dalam perlaksanaan PPT dan latihan sistem penggunaan sediada. |
| 7 | 29 Ogos 2017 | Channel Partner Refresher Program di Kepong | Kursus PPT. Berkongsi perkembangan terkini dalam perlaksanaan PPT dan latihan sistem penggunaan sediada. |
| 8 | 11 Oktober 2017 | Promosi program PPT kepada Kolej Instech KBI | Sesi perkongsian dan kesedaran dalam memperkenalkan program-program baru kepada pihak kolej. |
| 9 | 16 – 17 Oktober 2017 | Sesi pengenalan dan kesedaran program E-Training bersama pusat bertauliah dan agensi di Sabah. | Sesi bersama persatuan PB SLDN Sabah, Nuvis Sabah & JPSM Sabah untuk mempromosikan program ETraining dan membincangkan berkenaan corak latihan kemahiran di Sabah. Aktiviti promosi di Sabah dirancang akan dijalankan pada 2018. |









BAB 3.indd 30 7/18/18 10:53 AM

## 3.6 Kajian Pembangunan Latihan Kemahiran

JPK telah menjalankan Kajian Penerimaan Kurikulum Latihan Kemahiran Terhadap Kebolehkerjaan Graduan SPKM pada tahun 2017. Kajian ini dilaksanakan oleh JPK melalui Unit Perundingan Universiti Malaya.

### i Objektif Kajian

- Mengenalpasti tahap penerimaan Kurikulum Latihan Kemahiran dikalangan Pusat Bertauliah (PB), Syarikat SLDN dan Agensi Awam.
- Mengenalpasti tahap kebolehkerjaan graduan SPKM di industri.
- Mencadangkan kaedah bagi meningkatkan penerimaan Kurikulum Latihan Kemahiran dan kebolehkerjaan Graduan SPKM.

### ii Dapatan Kajian

- Hasil kajian mendapati tahap penerimaan Kurikulum Latihan Kemahiran dikalangan PB, Syarikat SLDN dan Agensi Awam adalah tinggi kecuali penglibatan bersama syarikat Multinasional (MNC) dikalangan PB swasta dan syarikat SLDN adalah rendah.
- Hasil kajian menunjukan tahap kebolehkerjaan graduan SPKM dari perspektif graduan adalah tinggi.
- Hasil kajian menunjukan tahap kebolehkerjaan dari perspektif majikan adalah sederhana dari aspek komunikasi bahasa inggeris, menganalisa dan mengsintesis, keusahawanan dan penyelesaian masalah.
- Bagi meningkatkan penerimaan Kurikulum Latihan Kemahiran dan kebolehkerjaan Graduan SPKM, satu model kerangka Penambahbaikan KLK dan Kebolehkerjaan Graduan SPKM telah dihasilkan.




**Rajah 3.4 : Kerangka Penambahbaikan Penambahbaikan KLK dan Kebolehkerjaan Graduan SPKM.**



BAB 3.indd 31 7/18/18 10:53 AM





*Bengkel Focus Group Discussion Bagi Kajian Penerimaan Kurikulum Latihan Kemahiran Terhadap Kebolehkerjaan Graduan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) pada 13 Februari 2017, Hotel Dorsett, Putrajaya.*

## 3.7 Penyertaan JPK diperingkat Antarabangsa

Jabatan telah mengurus dan memantau bagi aktiviti-aktiviti antarabangsa dalam dan luar negara yang melibatkan pendidikan dan latihan teknikal. Aktiviti-aktiviti antarabangsa ini termasuklah program seperti:

**01**
BIEM EAGA (Brunei, Indonesia, Malaysia & Philippines – East Growth Area)

**02**
IMT-GT (Indonesia, Malaysia & Thailand Growth Triangle)

**03**
Program-program yang melibatkan latihan teknikal seperti kursus, konferense dan sebagainya.

Senarai penyertaan aktiviti di peringkat antarabangsa seperti dalam Jadual 3.3 dan 3.4

**Jadual 3.3 Program di peringkat antarabangsa yang disertai JPK bagi tahun 2017 (Dalaman)**

| Bil | Tajuk Aktiviti | Tarikh | Penyertaan Pegawai |
|---|---|---|---|
| 1 | Mesyuarat Kerjasama JPK- Assc. Accounting Technicians (AAT) UK | 1 Mac 2017 | 5 Orang |
| 2 | Delegasi Menteri Oman ke KSM | 20-Jun-17 | 3 Orang |
| 3 | Mesyuarat Bersama Pegawai ILO Berkenaan Strategy of Skills Dept on TVET Malaysia | 30 Oktober 2017 | 5 Orang |
| 4 | Standard Operating System of TVET Malaysia | 21 November 2017 | 5 Orang |
| 5 | Taklimat NOSS Kepada Delegasi Indonesia | 13 Disember 2017 | 1 Orang |

**Jadual 3.4 Program di peringkat antarabangsa yang disertai JPK bagi tahun 2017 (Luaran)**

| Tajuk Aktiviti | Negara | Tarikh | Penyertaan Pegawai |
|---|---|---|---|
| Technical Workshop The Implementation Of Asean Guiding Principle And Protocols For Quality Assurance And Competent Bodies Of Certification | Jakarta, Indonesia | 23-24 Feb 2017 | 1 Orang |
| Mesyuarat Perancangan Strategik BIMP-EAGA. | Pahlawan, Filipina | 31 Feb - 2 Mac 2017 | 1 Orang |



BAB 3.indd 32 7/18/18 10:53 AM

| | | | |
|---|---|---|---|
| Peer Learning and Knowledge Sharing Workshop on Skills Development Strategy Formulation | Jakarta, Indonesia | 21-23 Mac 2017 | 1 Orang |
| Dual System of Vocational Training | Berlin, Jerman | 26 Mac - 1 April 2017 | 1 Orang |
| CTE Workshop on Skills Training In Industry Academia Collaboration | Taipei | 25-27 April 2017 | 1 Orang |
| ILO - Regional Skills Technical Working Group Meeting | Yogyakarta | 10-12 Mei 2017 | 1 Orang |
| International Workshop on Skills Dev Cooperation & Network | Chiang Mai, Thailand | 30-31 Ogos 2017 | 2 Orang |
| Workshop on Competency Skills Standard (IMT-GT WGHRDEC) | Bangkok, Thailand | 4-6 Sept 2017 | 1 Orang |
| Lawatan Sambil Belajar Ke Jerman | Jerman | 3-11 Oktober 2017 | 1 Orang |
| Workshop on ASEAN Guiding Principles for Quality Assurance | Manila, Filipina | 16-17 Oktober 2017 | 1 Orang |
| Regional Programme to Improve TVET (RECOVET) | Hanoi, Vietnam | 11-12 Oktober 2017 | 1 Orang |
| 4th China Vocasional Education Innovation & Dev. Conference | Schuan, China | 17-19 Oktober 2017 | 1 Orang |
| Mesyuarat JK Teknikal Berkenaan Personel Qualification | Singapura | 16-17 Oktober 2017 | 1 Orang |
| Enhancing Job Creation And Skills To Prepare For The Fourth Industrial Revolution | Seoul, Korea | 7-9 Nov 2017 | 2 Orang |
| Look East Policy 2.0 – Leadership Development Programme For Middle Management Level (Managers) | Jepun | 15 Okt - 10 Nov 2017 | 1 Orang |
| Mesy Ke-21 Peringkat Menteri BIMP - EAGA | Tarakan, Indonesia | 29 Nov - 3 Dis 2017 | 1 Orang |
| Kursus Economic Partnership Program 2.0, END OF Vehicle Life (ELV) | Jepun | 5 Nov - 12 Dis 2017 | 1 Orang |




*Peserta HRD Forum : Enhancing Job Creation and Skills to Prepare for the Fourth Industrial Revolution, Seoul, Republic of Korea (7-9 November 2017)*




*Peserta JPK di HRD Forum : Enhancing Job Creation and Skills to Prepare for the Fourth Industrial Revolution, Seoul, Republic of Korea (7-9 November 2017)*

## 3.8 Pematuhan Terhadap Dasar Dan Peruntukan Perundangan Di Bawah Akta 652

### 3.8.1 Penarafan Bintang Program Bertauliah

Penarafan Bintang Program Bertauliah diadakan bertujuan untuk memberi penarafan ke atas program bertauliah yang dijalankan dengan mengambilkira tahap penyampaian perkhidmatan latihan kemahiran yang disediakan oleh Pusat Bertauliah. Ianya dilaksanakan setiap dua (2) tahun sekali bermula tahun 2011. Bagi tahun 2017 sebanyak 1900 program bertauliah telah ditarafkan melibatkan 410 buah pusat bertauliah iaitu 99 adalah institut latihan kemahiran awam dan 311 adalah institut latihan kemahiran swasta. Tahap Penarafan terdiri dari satu (1) hingga lima (5) Bintang mengikut skor yang diperolehi daripada audit yang melibatkan kriteria yang telah ditetapkan. Audit Penarafan Bintang telah dilaksanakan dari Jun 2017 hingga Oktober 2017




Rajah 3.5: Lima (5)Tahap Penarafan Bintang

Keputusan Penarafan Bintang telah dikeluarkan pada Januari 2018. Daripada 1900 program yang ditarafkan, sebanyak 476 program (25%) mendapat tahap Cemerlang iaitu 5 Bintang.




Rajah 3.6: Keputusan Penarafan Program Bertauliah Mengikut Tahap Penarafan

Pusat Bertauliah yang mendapat sekurang-kurangnya satu (1) program ditarafkan Cemerlang akan dikategorikan sebagai Pusat Bertauliah Cemerlang bagi program tersebut. Daripada 410 Pusat Bertauliah yang terlibat di dalam penarafan, sebanyak 116 adalah Pusat Bertauliah yang mendapat sekurang-kurang satu (1) program Cemerlang.




**Rajah 3.7: Bilangan Pusat Bertauliah yang mendapat sekurang-kurangnya 1 program bertauliah ditarafkan Cemerlang**

### 3.8.2 Pengiklanan

Sebarang bentuk pengiklanan berkaitan dengan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)oleh pusat bertauliah atau mana-mana pihak perlu mendapatkan kelulusan JPK. Iklan yang dikeluarkan perlu mempunyai maklumat yang jelas dan tidak menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat. JPK mengambil berat berkaitan perkara ini bagi memastikan kepentingan masyarakat terpelihara. Seksyen 53 berkaitan Larangan Ke atas Pengiklanan dan Seksyen 54 berkaitan Kawalan Pengiklanan, Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Akta 652) menyediakan peruntukan bagi membantu dan memastikan iklan yang dikeluarkan oleh Pusat Bertauliah adalah mengikut kriteria pengiklanan yang telah ditetapkan.

- **Menyatakan maklumat lengkap Pusat Bertauliah dan maklumat program bertauliah**
- **Mengandungi terma pembiayaan latihan**
- **Hendaklah mengutamakan Bahasa Kebangsaan dan penggunaan dwibahasa jika melibatkan bahasa lain**
- **Hanya dibenarkan untuk program yang telah ditauliahkan dan masih dalam tempoh pentauliahan**
- **Tidak mengandungi pernyataan yang mendiskrimisasi kaum, agama dan jantina**
- **Tidak dibenarkan menggunakan Logo JPK**
- **Tidak dibenarkan menggunakan Jata Negara bagi Pusat Bertauliah Awam**
- **Tidak mengandungi maklumat palsu, tidak benar, menyinggung perasaan atau mengelirukan**

**Rajah 3.8: Kriteria Pengiklanan Bagi Pematuhan Akta 652**



BAB 3.indd 35 7/18/18 10:53 AM




Rajah 3.9 : Tafsiran dan Jenis Pengiklanan

Jadual 3.5: Bilangan Permohonan Pengiklanan Yang Diterima Mengikut Zon Bagi Tahun 2017

| Zon | Jumlah Permohonan |
|---|---|
| Tengah | 91 |
| Utara | 21 |
| Timur | 25 |
| Selatan | 25 |
| Sabah | 8 |
| Sarawak | 18 |
| **Jumlah** | **188** |



BAB 3.indd 36 7/18/18 10:53 AM

Bagi tahun 2017 sebanyak 188 permohonan pengiklanan telah diproses dan 88% telah diluluskan. Sebanyak 12% permohonan tidak diluluskan disebabkan gagal memenuhi kriteria pengiklanan yang telah ditetapkan.




**Rajah 3.10: Peratus Kelulusan Permohonan Pengiklanan Yang Diproses Tahun 2017**

### 3.8.3 Pemeriksaan Dan Pemantauan Pusat Bertauliah

Lawatan pemeriksaan dan pemantauan ke atas Pusat Bertauliah dijalankan sebagaimana keperluan di bawah Seksyen 38, Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Akta 652). Pemeriksaan dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan perkhidmatan latihan kemahiran yang dilaksanakan di pusat bertauliah mematuhi keperluan Akta 652 serta mengikut peraturan dan prosidur yang telah ditetapkan. Sepanjang tahun 2017, hasil daripada pemeriksaan dan pemantauan yang dilaksanakan, dua (2) pusat bertauliah telah dikenakan tindakan tindakan telah dikenakan terhadap Pusat Bertauliah yang didapati tidak mematuhi keperluan Akta, peraturan dan syarat yang telah ditetapkan.

**Jadual 3.6: Bilangan Pusat Bertauliah dan Program Bertauliah Mengikut Jenis Tindakan**

| Jenis Tindakan | Bilangan Pusat Bertauliah Yang Terlibat | Bilangan Program Bertauliah Yang Dikenakan Tindakan |
|---|---|---|
| Amaran | 2 | 2 |
| Pembatalan Pentauliahan Program | 7 | 11 |
| Penamatan Pentauliahan Program | 1 | 8 |
| Tindakan Secara Pentadbiran | 19 | 93 |
| Jumlah | 29 | 114 |

## 3.9 Projek Pembangunan JPK Di Bawah Rancangan Malaysia Ke-11

Pada tahun 2017, Peruntukan Pembangunan JPK yang telah diluluskan adalah sebanyak **RM29,450,000** dengan perincian peruntukan mengikut Projek Pembangunan seperti di Carta 3.2 dan Pencapaian Projek Pembanguan 2017 seperti Jadual 3.7

**Projek Pembangunan JPK 2017**




**Carta 3.2: Peruntukan Pembangunan JPK 2017**

Jadual 3.7: Pencapaian projek pembangunan JPK 2017.

| Nama Projek | Pencapaian |
|---|---|
| Projek 1:<br>Pembangunan Kurikulum & Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan | Membangunkan 3 Occupational Framework (OF) Membangunkan 23 pakej NOSS Mempergiatkan profesionalisme bagi 438 peserta program Certified Fasilitator. |
| Projek 2:<br>Kajian Pembangunan Latihan Kemahiran | Kajian mengenai Tahap Penerimaan Kurikulum Latihan Kemahiran Terhadap Kebolehkerjaan Graduan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) dihasilkan. |
| Projek 3:<br>Pembangunan Sistem e-Profiling pengajar TVET | Membangunkan 152 Ability Checklist<br>Seramai 15,747 pengajar telah melengkapkan analisis jurang kompetensi dalam sistem e-Profiling. |
| Projek 4:<br>Memperluaskan Jalinan Kerjasama Strategik Dengan Industri Melalui Pelantikan Industry Lead Body (ILB) | Membangunkan 6 Occupational Framework (OF) Pembangunan 90 NOSS oleh 17 ILB 53 sesi Promosi penyertaan SPKM 1,027 penyertaan calon PPT |
| Projek 5:<br>Memperkasakan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) - Pembangunan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran SLDN | Membangunkan 15 pakej bahan pengajaran dan pembelajaran SLDN<br>Pemantapan penggunaan kurikulum SLDN di kalangan 202 PB SLDN<br>Pembangunan bahan pengajaran, pembelajaran dan penilaian |
| Projek 6:<br>Pembangunan Kepakaran Dan Latihan Semula (Reskilling) Tenaga Pengajar | Pelaksanaan 725 kursus bagi 13,038 pengajar dan 5138 personel SLDN melibatkan 12 agensi. |
| Projek 7:<br>Program Penilaian Star Rating | Melaksanakan penarafan bintang program bertauliah di 410 buah Pusat Bertauliah. |

### 3.9.1 Kajian Keberkesanan Projek Pembangunan

Dua projek telah dipilih oleh EPU untuk kajian keberkesanan projek pembangunan. Perincian projek yang dipilih adalah seperti di bawah.

Jadual 3.8: Projek Penilaian Outcome JPK 2017

| Projek | Tujuan | Objektif | Outcome |
|---|---|---|---|
| Laporan Penilaian Outcome Projek Skim Kemahiran Dan Kerjaya 1Malaysia (SKK1M) | Mengkaji keberkesanan program SKK1M berdasarkan kejayaan graduan kemahiran institusi latihan kemahiran awam (ILKA) mendapatkan pekerjaan dengan julat gaji tertentu di syarikat-syarikat terpilih | Mengenal pasti tahap kebolehkerjaan graduatn lepasan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang tidak mendapat pekerjaan selepas enam (6) bulan tamat latihan.Mengenal pasti jumlah graduan lepasan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang menerima gaji lebih dari RM900. | Tahap kebolehkerjaan graduan selepas menjalani program ini adalah sebanyak 99.7% (1140 graduan). Peratus graduan yang menerima gaji di atas paras gaji minimum (RM900 ke atas) adalah sebanyak 96.2% (1101 graduan). |
| Laporan Penilaian Outcome Projek Memperkasakan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Pembangunan Kurikulum Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) | Melaporkan keberkesanan Kurikulum Sistem Latihan Dual Nasional (K-SLDN) yang dibangunkan secara seragam di bawah program SLDN. | Mengkaji kebolehkerjaan perantis setela tamat tempoh latihan. Mengenalpasti tahap peningkatan pendapatan perantis dalam tempoh enam (6) bulan bekerja | 92% (657 orang) perantis telah mendapat pekerjaan setelah tamat tempoh latihan. 45% perantis menerima peningkatan pendapatan dalan tempoh enam (6) bulan bekerja |

## 3.10 Program Pemerkasaan Pentauliahan Dan Pensijilan Kemahiran Malaysia

Sepanjang tahun 2017, pelbagai program telah diatur dan dilaksanakan kearah memperkasakan Sistem Pentauliahan dan SPKM. Antaranya adalah seperti berikut:

### 3.10.1 Mesyuarat Penyelarasan bersama Agensi

Bagi memastikan pelaksanaan SPKM berjalan lancar dan mencapai objektif dan halatuju seperti yang telah ditetapkan, JPK sebagai agensi penyelaras telah mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama setiap agensi yang melaksanakan. Mesyuarat penyelarasan ini adalah bertujuan untuk membincangkan isu-isu pelaksanaan, menyelaras halatuju pelaksanaan serta memastikan semua agensi sentiasa mendapat maklumat terkini dari segi peraturan dan kaedah pelaksanaan SPKM. Mesyuarat ini diadakan secara berkala setiap tahun. Senarai agensi yang telibat adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3.9.

**Jadual 3.9: Mesyuarat Penyelarasan Agensi 2017**

| Bil. | Agensi | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 1 | Persekutuan Pusat Bertauliah Malaysia (FEMAC) | 28 Feb 2017 | CIAST, Shah Alam, Selangor |
| 2 | Majlis Amanah Rakyat (MARA) | 6 Feb 2017 | MARA, Kuala Lumpur |
| 3 | Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC) | 27 Feb 2017 | MOTAC, Presint 5, Putrajaya |
| 4 | Federation of Malaysian Skills Development Centres (FMSDC) | 15 Feb 2017 & 4 Ogos 2017 | SHRDC, Shah Alam, Selangor |
| 6 | Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) | 2 Mac 2017 | PSMB, Kuala Lumpur |
| 7 | Jabatan Tenaga Manusia (JTM) | 15 Mac 2017 & 4 Ogos 2017 | ILP Kuala Lumpur |
| 8 | Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) | 27 Mac 2017 | PTPK, Kuala Lumpur |
| 9 | Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) | 12 Mei 2017 | JPK, Putrajaya |
| 10 | Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) | 1 Nov 2017 | JPK, Putrajaya |
| 11 | Kementerian Belia dan Sukan (KBS) | 2 Nov 2017 | JPK, Putrajaya |
| 12 | GIATMARA | 3 Nov 2017 | JPK, Putrajaya |

### 3.10.2 Program Bimbingan Pentauliahan

Program Bimbingan Pentauliahan telah mula dilaksanakan pada tahun 2013 dan diteruskan pelaksanaannya sehingga kini. Pelaksanaan klinik ini adalah bertujuan memberi penerangan berhubung tatacara dan prosedur permohonan pentauliahan seterusnya membimbing personel daripada Pusat Latihan Kemahiran (PLK) yang berminat untuk mendapatkan pentauliahan program daripada JPK. Sepanjang tahun 2017, sebanyak sebelas (11) siri telah diadakan bermula bulan Februari sehingga Disember 2018 yang dilaksanakan di Jabatan Pembangunan Kemahiran Cyberjaya yang melibatkan seramai 173 orang peserta seperti di Jadual 3.10.







BAB 3.indd 39 7/18/18 10:53 AM

Jadual 3.10: Jadual Pelaksanaan Program Bimbingan Pentauliahan 2017

| Bil. | Tarikh | Bilangan Peserta |
|---|---|---|
| 1 | 23 Feb 2017 | 14 |
| 2 | 8 Mac 2017 | 18 |
| 3 | 6 April 2017 | 28 |
| 4 | 8 Mei 2017 | 18 |
| 5 | 5 Jun 2017 | 14 |
| 6 | 10 Julai 2017 | 7 |
| 7 | 7 Ogos 2017 | 15 |
| 8 | 6 Sep 2017 | 4 |
| 9 | 11 Okt 2017 | 17 |
| 10 | 8 Nov 2017 | 20 |
| 11 | 6 Dis 2017 | 18 |

### 3.10.3 Bengkel Pemantapan Pelaksanaan SPKM kepada Pusat Bertauliah (PB) Baharu

Bengkel Pemantapan Pelaksanaan SPKM kepada PB baharu adalah bertujuan untuk memberi penerangan yang jelas kepada pusat bertauliah (PB) baharu pelaksanaan latihan, pendaftaran pelatih, penilaian dan persijilan pelatih. Bengkel ini juga merangkumi prosedur, proses permohonan dan isu - isu berkaitan dalam pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).

Sebanyak lima (5) sesi bengkel telah dilaksanakan melibatkan 79 peserta dari pusat bertauliah yang baru mendapat kelulusan pentauliahan dari Jun 2016 hingga Jun 2017. Maklumat berkaitan pelaksanaan adalah seperti di dalam Jadual 3.11.

Jadual 3.11: Pelaksanaan Bengkel Pemantapan SPKM kepada PB Baharu

| Siri | Tarikh | Zon | Bil. Peserta |
|---|---|---|---|
| 1 | 7 September 2017 | Tengah | 30 |
| 2 | 3 Oktober 2017 | Utara | 17 |
| 3 | 3 Oktober 2017 | Selatan | 11 |
| 4 | 3 Oktober 2017 | Sabah | 21 |
| 5 | 3 Oktober 2017 | Sarawak | 13 |

### 3.10.4 Taklimat Pemahaman dan Pelaksanaan National Competency Standard (NCS) Core Abilities (Z-009-1/2/3/4/5:2015)

JPK telah melaksanakan kajian semula terhadap Standard Kompetensi Kebangsaan (SKK) Kemahiran Teras (NCS Core Abilities) dan telah diluluskan pada 31 Mac 2015. Pelaksanaan NCS Core Abilities baharu telah dikuatkuasakan bermula 1 Julai 2017 bagi semua kumpulan pelatih yang berdaftar pada atau selepas tarikh kuatkuasa tersebut. Panduan Pelaksanaan SKK - Core Abilities di bawah SPKM yang telah dikemaskini selaras dengan kandungan SKK Kemahiran Teras (NCS Core Abilities) (Z-009- 1/2/3/4/5:2015).

Sehubungan itu, bagi membantu memudahkan pelaksanaan NCS Core Abilities dan memberikan pemahaman dan bimbingan kepada pusat bertauliah, JPK telah mengadakan dua belas (12) siri taklimat pemahaman dan pelaksanaan NCS Core Abilities melibatkan 475 peserta di seluruh negara.



BAB 3.indd 40 7/18/18 10:53 AM

### 3.10.5 Taklimat Pemantapan Panel Penilai Pentauliahan Program Kemahiran (PPPPK) dan Pegawai Pengesah Luaran (PPL)

Bengkel Pemantapan PPPPK dan PPL telah diadakan sebanyak lima (5) siri dan melibatkan 140 peserta seperti maklumat di Jadual 5. Taklimat ini bertujuan memantapkan kefahaman PPPPK dan PPL mengenai pelaksanaan SPKM dan maklumat terkini berkaitan dasar dan polisi Jabatan mengenai pelaksanaan SPKM. Semasa sesi ini dijalankan, para peserta turut didedahkan tentang teknik-teknik melaksanakan tugas semasa sesi penilaian pentauliahan program kemahiran dan sesi verifikasi di PB serta cara menyediakan laporan penilaian PPPPK dan PPL.






### 3.10.6 Bengkel Penilaian Pemetaan Program Induk

Bengkel Penilaian Pemetaan telah diadakan dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA), Giatmara Sdn. Bhd. (GIATMARA) dan Bahagian Pendidikan Teknik & VokasionL (BPTV), Kementerian Pendidikan Malaysia berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) telah dilaksanakan. Bengkel ini bagi menyemak dan menilai setiap kurikulum yang telah dibangunkan oleh agensi tersebut dengan keperluan SKPK. Bengkel ini telah dihadiri oleh 96 orang panel penilai. Jumlah keseluruhan program agensi yang telah dipetakan adalah sebanyak 48 program NOSS seperti Jadual 3.12.

**Jadual 3.12: Bilangan program Agensi Yang Telah Dibuat Pemetaan Dengan NOSS**

| Agensi | Bil. program agensi | Siri bengkel |
|---|---|---|
| MARA | 15 | 2 siri |
| BPTV | 16 | 2 siri |
| GIATMARA | 17 | 2 siri |







BAB 3.indd 41 7/18/18 10:53 AM

### 3.10.7 Pemantapan Agensi Pentauliahan Induk (MARA/Giatmara/BPTV) - Operasi dan Personel

JPK telah melaksanakan Taklimat Pemantapan Agensi Pentauliahan Induk (MARA / Giatmara / BPTV) - Operasi dan Personel kepada agensi yang terlibat dengan Pentauliahan Induk iaitu Bahagian Kemahiran Teknikal, MARA, GIATMARA dan Bahagian Pendidikan Teknik & Vokasional (BPTV). Sesi pemantapan ini bertujuan bagi memastikan pelaksanaan Pentauliahan Induk yang lebih tersusun dan lancar dalam menjamin jaminan kualiti pelaksanaan SPKM. Sesi pemantapan yang dilaksanakan adalah seperti dalam Jadual 3.13.

**Jadual 3.13: Pemantapan Agensi Pentauliahan Induk (MARA/Giatmara/BPTV) - Operasi dan Personel**

| Agensi | Bil. Siri | Tarikh Pelaksanaan | Bil. Peserta |
|---|---|---|---|
| GIATMARA | 2 siri | 23 & 24 Mei 2017 | 60 |
| BKT, MARA | 7 siri | 8 – 21 Mei 2017 | 302 |
| BPTV | 2 siri | 21 Jun 2017 | 125 |

### 3.10.8 Taklimat Proses Pendaftaran Dan Cetakan Sijil Kendiri Kepada Pusat Bertauliah

Susulan dari pembangunan dan penggunaan sistem online yang baharu iaitu sistem eSPKM Ver. 2.0, beberapa siri taklimat kepada pusat bertauliah telah diadakan mengikut zon. Ini termasuk satu siri bagi melancarkan pilot test untuk pusat bertauliah di negeri Melaka. Siri taklimat tersebut adalah seperti di dalam Jadual 3.14.

**Jadual 3.14: Taklimat Proses Pendaftaran dan Cetakan Sijil Kendiri kepada Pusat Bertauliah**

| Siri | Tarikh | Zon / Tempat | Bil. Peserta |
|---|---|---|---|
| 1 | 6 Mac 2017 | Tengah | 97 |
| 2 | 8 Mac 2017 | Selatan | 46 |
| 3 | 19 Mac 2017 | Timur | 60 |
| 4 | 28 Mac 2017 | Utara | 40 |
| 5 | 4 April 2017 | Sabah | 74 |
| 6 | 6 April 2017 | Sarawak | 60 |
| 7 | 15 Jun 2017 | Melaka | 40 |

### 3.10.9 Aktiviti Ujian Tanpa Musnah (NDT)

Pelbagai aktiviti berkaitan NDT telah dibuat antaranya adalah mesyuarat kerja pembangunan dan semakan soalan-soalan peperiksaan, mesyuarat kerja pemurniaan skema pemarkahan peperiksaan praktikal, taklimat mengenai penggunaan dokumen peperiksaan kepada personel lantikan JPK, taklimat perkongsian maklumat mengenai asas pengujian NDT serta audit pengekalan akreditasi ISO17024.

**Jadual 3.15: Peperiksaan Mengulang Teori Anjuran Unit NDT, JPK**

| Tarikh | Zon | Bil. Calon |
|---|---|---|
| 20 Mac 2017 | Sabah & Labuan | 17 |
| 15 Mei 2017 | Zon Selatan | 11 |
| 5 Jun 2017 | Zon Tengah | 3 |
| 9 Disember 2017 | Zon Timur | 3 |
| 7 Oktober 2017 | Zon Utara | 3 |
| 18 September 2017 | Zon Sarawak | 14 |
| **Jumlah** | | **51** |



*Mesyuarat Kerja SPKM NDT Kepada Ahli Jawatankuasa & Lantikan Baharu, pada 3-5 Mac 2017, Avillion Admiral Cove Port Dickson*




*Audit Witness MS ISO/IEC 17024 Oleh Jabatan Standard Malaysia, pada 20-21 Julai 2017, Agensi Nuklear Malaysia*



*Audit Pemantuan MS ISO/IEC 17024 Oleh Jabatan Standard Malaysia pada 17-18 Ogos 2017, JPK Putrajaya*



*Mesyuarat Kerja Semakan Pemarkahan Praktikal Magnetik Dan Penembusan, pada 8-10 Ogos 2017, Hotel Bangi-Putrajaya, Bandar Baru Bangi*



*Hari Bersama Komuniti NDT Siri 2 pada 23 November 2017 di Hotel Thistle, Johor Bahru*




*Mesyuarat Kerja Spkm NDT Kepada Pemeriksa Bidang Radiografi pada 6-8 Oktober 2017, Avillion Admiral Cove, Port Dickson*



*Pemantauan pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT secara Penilaian Amali dalam Bidang Pemutuan Padi pada 8 Mei 2017, Jitra, Kedah*



*Hari Bersama Komuniti NDT Siri 1 pada 26 Oktober 2017, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom, Dengkil*



BAB 3.indd 43 7/18/18 10:53 AM



*Mesyuarat kerja pemurnian cadangan kelayakan Persijilan Kemahiran Malaysia bagi tujuan lantikan ke Skim Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) pada 27-28 Julai 2017, Kompleks Akademi MARDI, Serdang, Selangor*



*Taklimat promosi Pengiktirafan pencapaian Terdahulu (PPT) kepada MSB Compliance Officers di bawah agensi Bank Negara Malaysia pada 28 September 2017, Bank Negara Malaysia*



*Bengkel Pembangunan Soalan Penilaian Amali bagi bidang Tekstil dan Pakaian, Elektrik & Elektronik, Telekomunikasi & Industri Penyiaran, Perubatan & Farmaseutikal dan Hospitaliti & Pelancongan dan Senitari pada 27-30 November 2017, IPG Enstek, Negeri Sembilan*



*Majlis penganugerahan Diploma Program RPEL kepada 300 orang calon dibawah penyelarasan PERHEBAT yang dirasmikan oleh YB Dato' Sri Mohd Johari Baharum, Timbalan Menteri PertahanZan Malaysia pada 21 Disember 2017, Dewan PERHEBAT Sg. Buloh Selangor*



*Taklimat pemantapan Persijilan Kemahiran Malaysia bagi DKM/DLKM – Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT) kepada Personal Lantikan PPT pada 25 Julai 2017, JPK Wilayah Utara*



*Seminar Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) di Karnival SkillMalaysia Zon Tengah 2017 pada 13 dan 14 Ogos 2017, CIAST, Shah Alam*



*Taklimat Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) bersempena Program Promosi SKM-PPT FINAS 2017 pada 12 Oktober 2017, Pawagam Mini P.Ramlee,FINAS Kuala Lumpur*



*Bengkel Pembangunan Soalan Penilaian Amali bagi bidang Tekstil dan Pakaian, Elektrik & Elektronik, Telekomunikasi & Industri Penyiaran, Perubatan & Farmaseutikal dan Hospitaliti & Pelancongan dan Senitari pada 27-30 November 2017, IPG Enstek, Negeri Sembilan*



BAB 3.indd 44 7/18/18 10:53 AM

## 3.11 *Industry Lead Body* (ILB)

*Industry Lead Body* (ILB) adalah badan peneraju yang mewakili sektor industri tertentu yang dilantik oleh JPK sebagai rakan strategik Jabatan dalam menentukan keperluan sebenar industri bagi tujuan pembangunan pekerja mahir Negara, meningkatkan penerimaan industri terhadap persijilan kemahiran dan menjadi pemacu dalam pembangunan dan latihan pekerja mahir.

**Jadual 3.16: Senarai dan Aktiviti ILB tahun 2017**

| ILB | Kajian | Pakej NOSS | Occupational Framework (OF) | Promosi melalui seminar | Sijil PPT |
|---|---|---|---|---|---|
| Asian Institute of Finance (AIF) | - | 5 | - | 2 | 3 |
| Association of Marine Industry of Malaysia (AMIM) | - | 2 | - | - | - |
| Construction Industry Board Malaysia (CIDB) | - | 3 | - | - | - |
| Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) | - | 1 | - | 2 | - |
| Halal Industry Development Corporation (HDC) | - | 1 | 1 | 4 | 50 |
| Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) | - | 3 | - | 6 | - |
| Malaysian Association of Hotels (MAH) | - | 2 | - | 1 | 100 |
| Malaysia Automotive Institute (MAI) | - | 2 | - | 6 | - |
| Malaysian Textile and Apparel Centre (MATAC) | - | 4 | 1 | 2 | 150 |
| Malaysian Green Technology Corporation (MGTC) | - | 3 | 1 | 1 | 100 |
| Malaysia Institute of Human Resource Management (MIHRM) | - | 5 | - | 1 | 49 |
| The Malaysian Oil and Gas Services Council (MOGSC) | - | 4 | - | - | - |
| Malaysian Plastics Manufacturers Association (MPMA) | - | 2 | - | 1 | 50 |
| Malaysian Palm Oil Board (MPOB) | - | - | - | 5 | - |
| Malaysia Steel Institute (MSI) | - | 2 | - | 2 | 25 |
| Malaysian Society for Non-Destructive Testing (MSNT) | - | 4 | - | 5 | - |
| Malaysia Timber Industry Board (MTIB) | - | - | - | 1 | 50 |
| Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian (BLKP) | - | 2 | - | 2 | 150 |
| Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) | 1 | - | - | - | - |
| Malaysian Organisation of Pharmaceutical Industries (MOPI) | - | - | - | 3 | - |
| Machinery and Equipment Manufacturers Association (MEMA) | - | - | 1 | 2 | - |
| Federation of Malaysian Freight Forwarders (FMFF) | - | - | 1 | - | - |
| Malaysian Association of Tour And Travel Agents (MATTA) | - | - | - | 5 | - |
| Malaysia Retailers Association (MRA) | - | 1 | - | 1 | 50 |
| Malaysian Water Association (MWA) | - | - | - | 1 | 250 |
| Agensi Penyelarasan Aeroangkasa Kebangsaan (NAICO) | - | - | 1 | - | - |
| Malaysia Bioeconomy Corporation (BioEco) | - | - | - | - | - |

**Petunjuk: (-) bermaksudi Tiada aktiviti berkaitan dilaksanakan**



BAB 3.indd 45 7/18/18 10:53 AM

### 3.11.1 Jalinan Kerjasama Dengan Agensi Dan Industri

Skop bagi *Memorandum of Understanding* (MoU) dan Kenyataan Bersama melalui kerjasama dengan agensi/industri merangkumi perkara berikut:

1. Pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pusat Bertauliah dan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)
2. Pendaftaran pakar industri bagi Direktori Pakar Industri Negara (DPIN)
3. Perkongsian kepakaran dalam pembangunan bahan pembelajaran dan NOSS serta pemantauan pelaksanaannya;
4. Promosi Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia
5. Pengiktirafan kepada pekerja yang berpengalaman melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).

**Jadual 3.17: Aktiviti Kerjasama atau MoU bersama Agensi / Industri pada tahun 2017**

| Bil. | Aktiviti Kerjasama | Tarikh |
|---|---|---|
| 1. | MoU antara JPK dan Proton Holding Berhad | 26 Januari 2017 |
| 2. | Kenyataan bersama antara JPK dan Maktab Koperasi Malaysia Berhad (MKM)i | 25 Mei 2017 |
| 3. | Kenyataan Bersama antara JPK dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) | 26 Julai 2017 |
| 4. | Kenyataan Bersama antara JPK dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) | 18 Ogos 2017 |



*Majlis Menandatangani MoU antara JPK dan Proton Holding*


*Majlis Menandatangani Kenyataan Bersama antara JPK dan JKKN*


*Majlis Menandatangani Kenyataan Bersama antara JPK dan MKM*



*Majlis Menandatangani Kenyataan Bersama antara JPK dan JPJ*



BAB 3.indd 46 7/18/18 10:53 AM

# BAB 4:
# PEMERKASAAN PERSONEL KEMAHIRAN

BAB 4.indd 47 7/18/18 11:10 AM

# PEMERKASAAN PERSONEL KEMAHIRAN



Pelbagai usaha dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran tenaga pengajar TVET, sekaligus meningkatkan kualiti pengajaran tenaga pengajar di institusi TVET sedia ada. Berikut adalah latihan dan program yang dilaksanakan sepanjang tahun iaitu:-

## 4.1 Latihan Pra-Perkhidmatan

Latihan Pengajar Vokasional terbuka kepada lepasan SKM Tahap 3 dan ke atas serta graduan lepasan universiti. Jenis program VTO adalah seperti berikut:

i. Sijil Pengajar Vokasional (Vocational Training Officer – VTO)

ii. Sijil Pengajar Vokasional (SKMT3+VTO)

iii. Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional (DLPV)

**Jadual 4.1: Statistik Pengambilan, Enrolmen dan Keluaran Pelajar Latihan Kemahiran Jangka Panjang (Pra Perkhidmatan) Tahun 2017**

| Nama Program | Pengambilan | | Enrolmen | | Keluaran | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Bil. Kursus | Bil. Peserta | Bil. Kursus | Bil. Peserta | Bil. Kursus | Bil. Peserta |
| Sijil VTO | | | | | | |
| CIAST | 2 | 401 | 6 | 702 | 5 | 470 |
| Kampus Satelit CIAST (CSC) | 1 | 325 | 5 | 627 | 4 | 285 |
| SKM Tahap 3 + VTO | 0 | 0 | 4 | 90 | 2 | 27 |
| DLPV | 0 | 0 | 5 | 69 | 3 | 45 |
| Jumlah | 3 | 726 | 20 | 1488 | 14 | 827 |



BAB 4.indd 48 7/18/18 11:10 AM

## 4.2 Latihan Dalam Perkhidmatan

Tenaga pengajar sedia ada juga terus diberikan latihan dan kursus kemahiran bagi memastikan mereka sentiasa didedahkan dengan teknologi terkini. Tujuh (7) program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017 iaitu:

### i. Kursus Jangka Pendek Modular dan Customised

Kursus jangka pendek modular yang dijalankan adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pengajar di semua institusi kemahiran manakala kursus customised diberikan kepada pekerja industri untuk peningkatan kemahiran kerja. Bilangan program dan peserta kursus modular dan customised pada tahun 2017 adalah seperti Jadual 4.2.

Jadual 4.2: Bilangan program dan peserta kursus *modular* dan *customised* pada tahun 2017

| Kursus | Bil. Peserta | Bil. Kursus |
|---|---|---|
| Kursus Jangka Pendek *Modular* | 10 | 2 |
| Kursus Jangka Pendek *Customised* | 275 | 20 |

### ii. Program *Fast Track* dan *Single Tier* - VTO, VTE dan VTM

Program ini bertujuan untuk mengiktiraf dan mempersijilkan individu yang berkelayakan dan berpengalaman dalam latihan kemahiran dengan VTO, VTE dan VTM secara *Fast Track* dan *Single Tier* melalui kaedah PPT. Bagi tahun 2017, terdapat tiga keadah yang digunapakai iaitu:

**01** Kaedah Analisa Jurang Kompetensi dan Temuduga – Penilaian bagi permohonan individu dan agensi mengikut garis panduan sedia ada.

**02** Program Khas – Perlaksanaan secara kursus dan temuduga kepada agensi iaitu Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, dengan kelulusan Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK). Program ini khusus kepada guru-guru Pendidikan Asas Vokasional (PAV) dan Program Vokasional Menengah Atas (PVMA).

**03** Program Khas – Perlaksanaan secara pembentangan kajian kes dan temuduga kepada Penolong Pegawai Latihan Vokasional (PPLV) dan Pegawai Latihan Vokasional (PLV) di Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) dengan kelulusan Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK).



BAB 4.indd 49 7/18/18 11:10 AM

Seramai 1068 orang telah dipersijilkan VTO, VTE dan VTM. Berikut merupakan jumlah program dan pencapaian keseluruhan Program VTO/VTE/VTM Secara Fast Track dan Single Tier melalui kaedah PPT bagi tahun 2017 (termasuk Program Khas):

**Jadual 4.3: Pelaksanaan dan pencapaian Program *Fast Track & Single Tier- VTO/VTE/VTM***

| Tahap | Pelaksanaan | | Pencapaian | |
|---|---|---|---|---|
| | Analisa jurang kompetensi | Temuduga | PC | Layak |
| VTO | 234 | 739 | 802 | 234 |
| VTE | 69 | 81 | 124 | 69 |
| VTM | 311 | 260 | 142 | 311 |
| Jumlah | 614 | 1080 | 1068 | 614 |

### iii. Program Khas VTO/VTE/VTM melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)

Sepanjang tahun 2017, Program Khas VTO/VTE/VTM melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) kepada Guru-Guru Pendidikan Asas Vokasional (PAV) dan Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) telah dijalankan sebanyak 14 siri bagi VTO dan 1 siri bagi VTM. Program ini telah berjaya dijalankan dengan kerjasama Kampus Satelit CIAST (CSC) di seluruh Malaysia. Berikut merupakan ringkasan perlaksanaan dan pencapaian program tersebut:

**Jadual 4.4: Pencapaian Progam Khas *VTO/VTE/VTM - PPT***

| Tahap | Pencapaian Bagi Program Khas KPM 2017 | | |
|---|---|---|---|
| | PC | Layak | Tidak layak |
| VTO | 3 | 422 | 8 |
| VTE | - | 11 | - |
| VTM | - | 14 | 1 |
| Jumlah | 3 | 447 | 9 |



*Program Khas VTO KPM Siri 3/2017 pada 14-18 Ogos*



*Sesi Verifikasi Program Khas VTO KPM Siri 3/2017 pada 14-18*




*Program Khas VTO KPM Siri 11/2017 Politeknik pada 2-6 Oktober*

### iv. Program Certification IV

Program ini adalah bertujuan melahirkan *master trainer* yang diiktiraf bukan sahaja di dalam negara tetapi juga di peringkat antarabangsa. Modul-modul yang disediakan diiktiraf oleh Kerajaan Australia menerusi Kerangka Kelayakan Australia atau *Australian Qualification Framework* (AQF) dalam sektor *Vocational Education & Training* (VET) dan memberikan kelayakan kepada para peserta mengendalikan kursus atau modul "*Trainedof- Trainer (ToT)*" (TAE40110 – Certification IV) di dalam dan luar negara. Modul-modul adalah berorientasikan latihan kemahiran dengan pendekatan *Competency-based Training* (CBT) dan disediakan dengan kerjasama *Australian Institute of Tachnical Transfer* (AITT). Senarai kursus yang dilaksanakan adalah seperti Jadual 4.5 di bawah.

**Jadual 4.5 : Kursus Program Master Training dan Certifivation IV**

| Bil. | Tajuk kursus | Tarikh pelaksanaan | Tempat | Bil. Peserta |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Certification IV in Work Skills for Career Enhancement & Management | 15 - 26 Mei 2017 | CIAST | 29 |
| 2 | TAE40110 Certification IV in Training and Assessment | 25 Sept - 06 Okt 2017 | CIAST | 20 |
| Jumlah Keseluruhan Peserta | 49 | | | |



*Kursus TAE40110 Certification IV in Training and Assessment*



BAB 4.indd 51 7/18/18 11:10 AM

### v. Program Pembangunan Fasilitator

Program ini dibangunkan khusus untuk memberi pentauliahan kepada Fasilitator Pembangunan NOSS, Fasilitator Pembangunan WIM atau Fasilitator Pembangunan Soalan. Peserta perlu memohon untuk menyertai Kursus Kemahiran Fasilitator diikuti dengan Kursus Latihan Sangkutan Fasilitator di firma atau pusat bertauliah yang melaksanakan program tersebut. Peserta Fasilitator NOSS/WIM/Soalan yang lulus dengan markah minima 70% akan diberikan pentauliahan serta pengiktirafan setelah Jawatankuasa Persijilan JPK bersidang.




Rajah 4.1: Carta Alir Pentauliahan Fasilitator NOSS/WIM/Soalan

Di antara kursus yang disediakan adalah seperti berikut:

### Kursus Pembangunan National Occupational Skill Standard (NOSS)

Kursus Pembangunan NOSS ini bertujuan memberi pendedahan kepada pakar-pakar industri yang terlibat dalam pembangunan dan kelulusan NOSS mengenai teknik dan tatacara membangunkan *Occupational Structure* (OA), *Occupational Area Structure* (OAS), *Competency Profile Chart* (CPC), *Competency Profile* (CP), *Curriculum of Competency Unit* (CoCU) dan *Standard Practice* (SP) untuk memenuhi Standard pekerjaan di Malaysia.

### Kursus Written Instructional Material (WIM)

Kursus *Written Instructional Material* (WIM) ini bertujuan memberi pendedahan kepada tenaga pengajar Pusat Bertauliah Awam dan Swasta mengenai teknik dan tatacara pembangunan Pelan Mengajar, Kertas Penerangan, Kertas Tugasan dan Kertas Kerja berasaskan keperluan Unit Kompetensi dalam National Occupational Skill Standard (NOSS).

### Kursus Pembangunan Soalan Latihan Kemahiran

Kursus Pembangunan Soalan Latihan Kemahiran ini bertujuan memberi pendedahan kepada tenaga pengajar Pusat Bertauliah Awam dan Swasta mengenai teknik dan tatacara pembangunan soalan yang memenuhi keperluan Unit Kompetensi dalam National Occupational Skill Standard (NOSS).

### Kursus Kemahiran Fasilitator

Kursus Kemahiran Fasilitator adalah kursus untuk peserta-peserta berkelayakan yang telah berjaya melalui kursus pembangunan dengan jayanya. Objektif utama kursus adalah untuk memberi pendedahan teknik dan tatacara kemahiran fasilitator sebagai persediaan bagi membangunkan NOSS, WIM dan Soalan mengikut kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran. Bakal Fasilitator perlu menduduki Ujian Prestasi dan Ujian Pengetahuan. Calon perlu lulus keseluruhan ujian seperti yang telah ditetapkan.

### Latihan Sangkutan Fasilitator (LSF)

Latihan Sangkutan Fasilitator (LSF) ertinya satu tempoh yang khusus bagi Pegawai Dalam Latihan (PDL) menjalani latihan di firma untuk menerima pendedahan pembangunan NOSS/WIM/Soalan yang sebenar secara terancang, dan diselia oleh Pegawai Firma yang dipertanggungjawab serta dinilai oleh Pegawai Lawatan Fasilitator (PLF) semasa latihan tersebut. Berikut adalah bilangan fasilitator mengikut pecahan latihan yang layak dipersijilkan:-




Rajah 4.2 : Bilangan peserta mengikut aktiviti latihan fasilitator



BAB 4.indd 53 7/18/18 11:10 AM

Jadual 4.6: Kursus Program Pembangungan Fasilitator pada tahun 2017

| Bil. | Perkara | Bil. Peserta |
|---|---|---|
| 1 | Kursus Pembangunan Soalan Latihan Kemahiran (CUSTOMISED) Anjuran Edusure SDN. BHD. | 23 |
| 2 | Kursus Pembangunan WIM (CUSTOMISED) Anjuran Carols Academy | 15 |
| 3 | Kursus Pembangunan WIM SIRI 1/2017 hingga SIRI 9/2017 | 181 |
| 4 | Kursus Pembangunan Soalan Latihan Kemahiran SIRI 1/2017 hingga 8/2017 | 151 |
| 5 | Kursus Pembangunan WIM (CUSTOMISED) anjuran UPSI | 27 |
| 6 | Kursus Pembangunan Soalan Latihan Kemahiran (customised) anjuran PPKS | 28 |
| 7 | Kursus Pembangunan WIM (customised) anjuran TLDM | 25 |
| 8 | Kursus Pembangunan NOSS (customised) anjuran TUDM | 30 |
| 9 | Kursus Pembangunan WIM (customised) anjuran heritage Culinary Academy | 20 |
| 10 | Kursus Pembangunan Soalan Latihan Kemahiran (customised) anjuran JPSM Sabah | 38 |
| 11 | Kursus Kemahiran Fasilitator siri 1/2017 dan siri 2/2017 | 36 |
| 12 | Kursus Pembangunan Wim (customised) anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia | 29 |
| 13 | Kursus Pembangunan Soalan Latihan Kemahiran (customised) anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia | 27 |
| 14 | Kursus Pembangunan Wim (customised) anjuran Iktbn Sepang | 21 |
| 15 | Kursus Pembangunan Wim (customised) anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia | 26 |
| 16 | Kursus Pembangunan Soalan Latihan Kemahiran (customised) anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia | 30 |
| 17 | Mesyuarat Unit Pembangunan Fasilitator | 8 |
| 18 | Kursus Pembangunan WIM anjuran JPK Wilayah Tengah | |

### vi. Latihan Sangkutan Industri (LSI)

Latihan Sangkutan Industri (LSI) merupakan satu program penempatan pengajar kemahiran Institut Latihan Awam (ILA) di industri secara terancang dan diselia oleh pegawai yang dipertanggungjawabkan. Pada tahun 2017, pelaksanaan LSI menggunakan peruntukan Geran Padanan (Matching Grant) daripada Unit Perancang Ekonomi di bawah Program TVET dalam bidang berimpak tinggi. Bidang-bidang berimpak tinggi yang ditawarkan penempatan LSI ialah:

- Elektrik dan Elektronik
- Kimia dan Petrokimia
- Aeroangkasa / pengangkutan
- Peranti Perubatan / farmaseutikal
- Pemesinan dan Peralatan

Penyertaan pengajar yang mengikuti LSI adalah seramai 105 orang yang terdiri daripada pelbagai agensi. Bilangan industri yang terlibat dalam LSI adalah sebanyak 79 buah industri yang terdiri daripada pelbagai bidang berimpak tinggi. Butiran maklumat pelaksanaan penempatan LSI adalah seperti Rajah 4.3, Jadual 4.7, Carta 4.1 dan Jadual 4.8.

Objektif Program LSI ialah agar pengajar dapat meningkatkan kompetensi dalam bidang berimpak tinggi. Pengalaman dan kemahiran pengajar yang diperolehi semasa LSI dapat meningkatkan kualiti dan menambah baik penyampaian program kemahiran / TVET.



BAB 4.indd 54 7/18/18 11:10 AM




Rajah 4.3: Butiran Makluman Penempatan LSI

Jadual 4.7: Bilangan penyertaan pengajar Latihan Sangkutan Industri (LSI) mengikut Agensi

| Bil. | Agensi | Jumlah Pengajar |
|---|---|---|
| 1 | Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST) | 5 |
| 2 | Jabatan Tenaga Manusia (JTM) | 20 |
| 3 | Kementerian Belia & Sukan (KBS) | 48 |
| 4 | Jabatan Pendidikan Politeknik (JPPK) | 3 |
| 5 | Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti | 17 |
| 6 | Majlis Amanah Rakyat (MARA) | 12 |
| Jumlah | | 105 |




Carta 4.1: Bilangan industri terlibat dalam program LSI mengikut bidang berimpak tinggi



BAB 4.indd 55 7/18/18 11:10 AM



*Antara peserta yang telah menjalani Program LS*

**Jadual 4.8: Penyertaan pengajar Latihan Sangkutan Industri (LSI) mengikut bidang**

| Bil. | Bidang | Jumlah Pengajar |
|---|---|---|
| 1 | Elektrik dan Elektronik | 33 |
| 2 | Kimia dan Petrokimia | 1 |
| 3 | Aeroangkasa/ Pengangkutan | 24 |
| 4 | Peranti Perubatan/ farmaseutikal | 4 |
| 5 | Pemesinan & Peralatan | 43 |
|  | Jumlah | 105 |

### vii. Program Perkongsian Kepakaran Industri (PKI)

Program ini adalah bertujuan untuk memperkasakan pengetahuan dan kemahiran dalam teknologi semasa bagi pengajar di ILKA dengan kaedah mendapatkan khidmat Pakar Industri bagi bidang kemahiran tertentu melalui aktiviti berbentuk ceramah, syarahan, latihan dan seumpamanya. Pakar industri adalah pekerja industri yang mahir, berpengalaman dan merupakan pengamal (practitioner) dalam industri yang berkaitan. Jadual berikut menunjukkan pelaksanaan PKI pada tahun 2017.

**Jadual 4.9: Bilangan peserta PKI sepanjang tahun 2017**

| Agensi/Industri | Tarikh Aktiviti | Bidang | Jumlah Peserta |
|---|---|---|---|
| Sher' n Rique | 5 Julai 2017 | VTO | 200 |
| Proton, Subaru & Honda | 3 Julai - 25 Ogos 2018 | Automotif | 20 |
| ACA Pacific | 27 – 31 Mac 2017 | Pengeluaran | 6 |
| UTHM | 15 Mei 2017 | Pengeluaran | 6 |
| FTE Partner Resources | 17 – 21 Julai 2017 | Pengeluaran | 6 |
| GMI | 2 – 6 Oktober 2017 | Pengeluaran | 6 |
| ZFZ Intertech & Hakko Product | 24 – 27 Julai 2017 | Elektronik | 5 |
| UniKL - MSI | 9 – 12 Oktober 2017 | Elektrik | 5 |
| MyInvent | 23 – 26 Oktober 2017 | Elektronik | 5 |
| UniKL - BMI | 22 Ogos 2017 | Elektronik | 2 |
| ILP Kuala Langat | 1 Jun– 8 Oktober 2017 | Mekatronik | 4 |
| CMLV Industrial Automation | 21 Ogos -15 Sept 2017 | Mekatronik | 8 |
| STS Engineering | 25 - 29 Sept 2017 | Mekatronik | 5 |
| SAF-FRO Welding, International Air Filteration Solution U.K, One Gasmaster | 5 Sept 2017 | Kimpalan | 248 |
| Axis Engineering Resources | 7-11 Ogos 2017 | Kimpalan | 7 |

## 4.3 Pembangunan Profil Pengajar Kemahiran (e-Profilling)

Di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) Pembangunan Modal Insan merupakan teras utama bagi merealisasikan aspirasi negara. Salah satu daripada usaha untuk memenuhi teras ini adalah dengan membangunkan pangkalan data berpusat mengenai profil jurang kompetensi dan menyediakan pelan hala tuju latihan yang berkesan.

Untuk memenuhi matlamat ini satu projek e-Profiling Pengajar Kemahiran diperkenalkan. Ianya bertujuan untuk mengenalpasti jurang kemahiran seseorang tenaga pengajar kemahiran dan seterusnya menutup jurang yang wujud melalui latihan yang tepat dan berstruktur agar dapat melahirkan tenaga pengajar kemahiran berkualiti bertaraf dunia yang berpengetahuan, kompeten, berdisiplin dan responsif terhadap perubahan persekitaran dan teknologi.

Profiling Pengajar Kemahiran mengumpulkan data keterampilan pengajar kemahiran mengikut bidang, melalui semakan *ability check list* yang dibangunkan menggunakan kaedah CUDBAS (*Curriculum Development Based on Vocational Ability Structure*). Tiga skop kompetensi merangkumi:

**1** **Kompetensi yang diperlukan oleh seseorang pengajar untuk mengajar sesuatu program latihan kemahiran.**

**2** **Maklumat kompetensi seseorang pengajar.**

**3** **Jurang kompetensi pengajar untuk mengajar sesuatu program latihan kemahiran**





*Mesyuarat Penyelarasan Sistem e-Profiling di CIAST*

Jadual 4.10 : Statistik Bilangan Kursus dan Peserta Mengikut Agensi tahun 2017

| Bil. | Jabatan/Agensi | Bilangan kursus | Bilangan peserta |
|---|---|---|---|
| 1 | Jabatan Pendidikan Politeknik | 75 | 2188 |
| 2 | Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti | 48 | 885 |
| 3 | Jabatan Tenaga Manusia | 94 | 1112 |
| 4 | MARA (IKM/KKTM) | 23 | 333 |
| 5 | GIATMARA | 58 | 703 |
| 6 | JPK (SLDN) _CIAST | 142 | 5107 |
| 7 | Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) | 85 | 672 |
| 8 | Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) | 28 | 385 |
| 9 | Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) | 22 | 342 |
| 10 | German-Malaysian Institute (GMI) | 24 | 209 |
| 11 | Universiti Kuala Lumpur (UNIKL) | 61 | 564 |
| 12 | Kementerian Belia dan Sukan (IKBN/IKTBN) | 57 | 530 |
| Jumlah Keseluruhan | | 717 | 13,030 |



## 4.4 Pengurusan Personel Lantikan

### 4.4.1 Kursus Induksi Pentauliahan (PP-PPD-PPB, PP-PPT &PPL)

Tiga (3) jenis Kursus Induksi Pentauliahan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut

1. Kursus Induksi Pentauliahan PP-PPD-PPB,
2. Kursus Induksi Pentauliahan PP-PPT.
3. Kursus Induksi Pentauliahan PPL.



BAB 4.indd 58 7/18/18 11:10 AM

Penganjur-penganjur Kursus Induksi Pentauliahan (KIP) adalah terdiri daripada penganjur swasta atau awam bersama CIAST selaku penyelaras kursus. Dua (2) orang penceramah telah ditugaskan bagi setiap penganjuran KIP. Penceramah terdiri daripada kakitangan Ibu Pejabat JPK Putrajaya, Cyberjaya, JPK Wilayah-Wilayah dan CIAST sendiri. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 235 penganjuran KIP telah dijalankan di seluruh negara melibatkan 7,110 peserta.




Carta 4.2: Penganjuran KIP 2017




Carta 4.3: Bilangan KIP Tahun 2017

Bagi memastikan kemahiran dan pengetahuan personel PPL sentiasa selari dengan pekembangan SPKM terkini, mereka perlu memperbaharui pengiktirafan mereka dengan menghadiri bengkel pemantapan dan penilaian pembaharuan PPL.






*Bengkel Pemantapan & Penilaian Pembaharuan PPL*

### 4.4.2 Direktori Pakar Industri Negara (DPIN)

DPIN adalah satu kumpulan data yang dibangunkan untuk mengumpul, mendaftar memperakukan personel dengan kepakaran dan kemahiran berdasarkan NOSS yang sedang berkuatkuasa di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM). Pada tahun 2017, sebanyak 2526 daripada 4092 permohonan telah diluluskan bagi 21 jawatan lantikan yang menampung keperluan pakar SPKM seperti di Jadual 4.11.

**Jadual 4.11: Statistik Personel Pakar JPK terkini**

| Bil. | Jawatan Lantikan JPK | Sasaran | Jumlah | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Mohon | Lulus | Gagal |
| 1 | PIND | 240 | 377 | 185 | 192 |
| 2 | PAJAR | 300 | 607 | 384 | 223 |
| 3 | PPL | 400 | 755 | 474 | 281 |
| 4 | PPL-PLV | 200 | 265 | 150 | 115 |
| 5 | PPL-SLDN | 200 | 440 | 353 | 87 |
| 6 | PP-PPT | 300 | 895 | 573 | 322 |
| 7 | PPL-PPT | 400 | 350 | 196 | 154 |
| 8 | HAKIM | 50 | 54 | 14 | 40 |
| 9 | PNOSS | 250 | 238 | 112 | 126 |
| 10 | PIND NDT | 10 | 4 | 4 | 0 |
| 11 | PAJAR NDT | 10 | 4 | 4 | 0 |
| 12 | PNOSS NDT | 10 | 4 | 4 | 0 |
| 13 | NDT-E | 10 | 4 | 4 | 0 |
| 14 | NDT-S | 10 | 4 | 4 | 0 |
| 15 | PPL Kendiri | 0 | 7 | 5 | 2 |
| 16 | PPL-PLV Kendiri | 0 | 1 | 1 | 0 |
| 17 | FB (DESCUM) | 50 | 33 | 26 | 7 |
| 18 | FB (WIM) | 50 | 24 | 19 | 5 |
| 19 | FB (CL) | 50 | 20 | 10 | 10 |
| 20 | FB (Soalan) | 50 | 4 | 4 | 0 |
| 21 | DSE | 0 | 3 | 0 | 3 |
| Jumlah | | 1640 | 4,092 | 2,526 | 1,566 |

### 4.4.3 Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentauliahan (PPKSPP)

PPKSPP merupakan pengiktirafan yang diberikan oleh KPPK kepada Personel Pentauliahan JPK. Lima jawatan telah diberikan perakuan iaitu Pengurus Pusat Bertauliah (PPB), Pegawai Pengesah Dalaman (PPD), Pegawai Penilai (PP), Coach dan Pengajar SLDN (PSLDN). Jumlah lantikan mengikut jawatan sehingga Disember tahun 2017 adalah 33,634. Manakala daripada jumlah tersebut hanya 20,001 perakuan personel yang masih aktif dan sah tempoh adalah seperti Jadual 4.12.

Jadual 4.12: Bilangan jawatan PPKSPP sehingga Disember 2017

| Bil | Jawatan PPKSPP | PPKSPP sehingga Disember 2017 | PPKSPP aktif/ sah tempoh |
|---|---|---|---|
| 1 | Pengurus Pusat Bertauliah (PPB) | 1,785 | 1,070 |
| 2 | Pegawai Pengesah Dalaman (PPD) | 10,942 | 7,212 |
| 3 | Pegawai Penilai (PP) | 19,280 | 10,802 |
| 4 | PPB-SLDN | 59 | 57 |
| 5 | Coach | 1,106 | 561 |
| 6 | Pengajar SLDN (P-SLDN) | 462 | 299 |
| Jumlah Keseluruhan | | 33,634 | 20,001 |




Carta 4.4: Statistik Personel PPKSPP JPK sehingga Tahun 2017

## 4.5 Program Antarabangsa Untuk Pengajar TVET

Sepanjang tahun 2017, sebanyak lima (5) program antarabangsa telah dilaksanakan seperti di bawah:

### 4.5.1. Lawatan Kerja Projek Third Country Training Programme (TCTP) Baharu

**Fact Finding Mission (FFM) On "Third Country Training Programme (TCTP) For Cambodia, Lao Pdr, Myanmar And Vietnam (CLMV) On Capacity Development For Technical Vocational Education And Training (TVET)" di bawah kerjasama Japan International Cooperation Agency (JICA)**

JICA telah memberi kepercayaan kepada CIAST dalam melaksanakan program TCTP bagi tempoh 2017 hingga 2019. Bagi tahun perlaksanaan 2017 hingga 2019, satu Program Fact Finding Mission dilaksanakan oleh pihak JICA bermula pada 8 hingga 21 Januari 2017 selama 13 hari bagi mendapatkan idea-idea berdasarkan keperluan semasa dan keadaan negara-negara yang mengambil bahagian iaitu Myanmar (8 – 11 Januari 2017), Lao PDR (11 – 13 Januari 2017), Cambodia (14 – 18 Januari 2017) dan Vietnam (19 – 21 Januari 2017). Ini telah membantu pihak CIAST untuk mengecilkan skop bidang yang akan ditawarkan kepada peserta, pada masa yang sama untuk mengurangkan jurang perbezaan keperluan tahap latihan dan kandungan modul latihan yang akan dilaksanakan.



BAB 4.indd 61 7/18/18 11:10 AM




*Lawatan ke salah satu institut di Vietnam*

### 4.5.2. Latihan Sambil Bekerja

**International Internship Programme (IIP) - Internship For Khon Kaen University Students**

CIAST telah melaksanakan program Vocational Instructor Training Manual dengan kerjasama pihak *Japan Vocational Ability Development Association* (JAVADA) pada tahun 2013 hingga 2015 yang disertai oleh negara-negara ASEAN seperti Malaysia, Filipina, Cambodia, Lao PDR, Myanmar, Thailand, Indonesia dan Vietnam.

CIAST telah dipilih sebagai institusi latihan kemahiran kerajaan yang berprestij dalam mengadakan kerjasama antarabangsa dengan menerima tiga (3) orang pelajar dari Khon Kaen University (KKU) dari Thailand bagi menjalani latihan internship di CIAST bermula dari 06 Februari 2017 hingga 27 Mei 2017.



*Tiga Peserta Internship dari Thailand.*

### 4.5.3. Counterpart (CP) Training

**Third Country Counterpart Training Fasa 2: Short-Term Expert Dispatch Installation Of Electrical Wiring And Testing (30 Januari – 24 Februari 2017)**

Program Short Term Expert Dispatch ke Kemboja yang dilaksanakan pada tahun 2017 merupakan kesinambungan pelaksanaan bagi Fasa ke 2 Third Country Counterpart Training permintaan daripada pihak JICA Cambodia bagi Japan Fiscal Year 2016. Penglibatan seorang pakar dari CIAST yang melatih seramai 3 peserta yang terdiri daripada daripada tiga (3) institusi perintis di Cambodia merupakan projek yang bermatlamat menyediakan latihan di peringkat Diploma dalam bidang Elektrikal di Cambodia. Fasa yang terlibat adalah latihan di Malaysia dan penghantaran pengajar pakar yang akan menjalankan latihan di Cambodia.

Program fasa kedua ini telah dilaksanakan selama empat (4) minggu bermula pada 30 Januari sehingga 24 Februari 2017. Latihan telah diadakan di National Polytechnic Institute of Cambodia (NPIC) bagi kursus bertajuk Electrical Installation and Wiring. Melalui latihan yang dilaksanakan, peserta telah diberi pendedahan khusus dalam bidang Elektrikal secara praktikal dan teori dengan menggunakan peralatan dan bahan latihan yang terdapat di Kemboja.

**Fasa 1:**
CP Training Course
(2016) di Malaysia
4 minggu

**Fasa 2:**
Short Term
Expert Dispatch
(2017) di Kemboja
4 minggu

### 4.5.4. Program Latihan Negara Ketiga (TCTP), CLMV

**Capacity Development For Technical Vocational Education And Training (TVET) For Cambodia, Lao PDR, Myanmar And Vietnam (CLMV).**

Pelaksanaan program latihan ini adalah di bawah TCTP yang dianjurkan oleh Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) dengan kerjasama Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) di bawah Kementerian Luar Negeri (MFA ) dan Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA). Latihan bagi tahun 2017 telah dijalankan di CIAST dari 22 Ogos 2017 sehingga 29 September 2017. Program ini telah dihadiri oleh seramai lapan (8) orang peserta dari Cambodia, Lao PDR, Myanmar dan Vietnam bagi kursus Industrial Automation for Production (Intermediate) and Programme Design for TVET Implementation.





*Peserta TCTP: Industrial Automation for Production (Intermediate) in CIAST, Selangor*

### 4.5.5 Malaysian Technical Cooperation Program (MTCP) 2017

**Malaysian Technical Cooperation Program (MTCP) 2017 Automotive (Vehicle Electrical, Engine Management System And Introduction To Hybrid Technology).**

Tahun 2017 CIAST telah diberi kepercayaan oleh Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP) untuk menjalankan kursus di bawah MTCP iaitu Automotive (Vehicle Electrical, Engine Management System and Introduction to Hybrid Technology) bermula dari 10 hingga 27 Oktober 2017 CIAST yang melibatkan 9 peserta dari negara Fiji, Palestine, Bhutan, Lao PDR, Filipina, Vietnam dan Malaysia.



BAB 4.indd 63 7/18/18 11:10 AM



*Latihan praktikal di bengkel Automotif*



*Sesi perbincangan semasa kelas teori*

### 4.5.6. Lawatan Antarabangsa

Sekitar tahun 2017, CIAST telah menerima 4 kali kunjungan pelawat antarabangsa seramai 26 pelawat dari beberapa buah negara. Pada keseluruhannya lawatan yang dilaksanakan bertujuan sebagai lawatan kerja, lawatan bagi melaksanakan kerjasama terutamanya bagi "Train of Trainer" (TOT) dan juga lawatan dari peserta kursus.. Kunjungan lawatan telah disambut oleh pihak Pengurusan Tertinggi CIAST bersama Unit Latihan Antarabangsa dan Unit Korporat CIAST. Sesi taklimat dan lawatan ke bengkelbengkel latihan di CIAST turut dilaksanakan pada setiap slot lawatan. Jumlah sesi lawatan Antarabangsa ke CIAST bagi tahun 2017 adalah seperti Jadual 4.13.

**Jadual 4.13: Lawatan Antarabangsa ke CIAST bagi tahun 2017**

| Bil | Lawatan | Tarikh | Bilangan Pelawat |
|---|---|---|---|
| 1 | Lawatan Kerja Delegasi JICA Jordan | 11 Mei 2017 | 13 orang |
| 2 | Lawatan Kerja dari pihak UNESCO Bangkok | 26 Mei 2017 | 1 orang |
| 3 | Lawatan Kerja Duta Sudan | 23 Ogos 2017 | 2 orang |
| 4 | Lawatan Kerja Delegasi British High Commisioner | 26 September 2017 | 4 orang |



*Lawatan Delegasi Jordan ke Bengkel Automotif CIAST*




*Lawatan dari Delegasi JICA Jordan*



*Lawatan dari pihak British High Commissioner*



*Ketika lawatan kerja dari pihak UNESCO Bangkok*




*Bergambar kenangan bersama Duta Sudan ketika lawatan ke CIAST*



BAB 4.indd 64 7/18/18 11:10 AM

# BAB 5:
# PERTANDINGAN KEMAHIRAN MALAYSIA

# PERTANDINGAN KEMAHIRAN MALAYSIA (MPKM)



## 5.1 Majlis Pertandingan Kemahiran Malaysia (MPKM)

MPKM merupakan majlis yang dianggotai oleh wakil dari agensi awam dan swasta yang dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri Sumber Manusia. MPKM adalah bertujuan untuk menentukan dasar dan hala tuju penganjuran pertandingan kemahiran di peringkat kebangsaan dan penyertaan Malaysia di ASEAN Skills Competition (ASC) dan World Skills Competition (WSC) agar Malaysia bukan sahaja berjaya melahirkan belia yang mahir dan kompeten di WSMB malah akan turut cemerlang di ASC dan WSC. Pada tahun 2017, majlis telah bersidang sebanyak tiga (3) kali.

**Jadual 5.1: Persidangan MPKM**

| Bil | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|
| 1/2017 | 16 Februari 2017 | Bilik Gerakan KSM, Blok D3, Kompleks D, Parcel D, Putrajaya |
| 2/2017 | 24 Julai 2017 | Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), Kuala Lumpur |
| 3/2017 | 9 November 2017 | Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), Kuala Lumpur |

## 5.2 Pertandingan Worldskills Malaysia Belia (WSMB)

Pertandingan WorldSkills Malaysia Belia (WSMB) atau dahulunya dikenali sebagai Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) adalah satu pertandingan kemahiran yang dilaksanakan di peringkat kebangsaan. Pertandingan ini telah dianjurkan sejak tahun 1990 dan penganjuran pertandingan ini adalah usahasama antara Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Kerja Raya (KKR). WSMB diadakan setiap tahun bertujuan untuk memilih dan mengiktiraf pelatih dan pekerja mahir yang mempunyai kemahiran yang unggul. Pertandingan ini akan dijalankan melalui dua peringkat iaitu peringkat prakelayakan dan peringkat akhir. Ia akan dapat membantu meningkatkan tahap kemahiran sumber manusia di Malaysia bertaraf dunia. Selain itu, ia dapat memberi pendedahan dan meningkatkan kefahaman masyarakat tentang pentingnya bidang kemahiran kepada pembangunan negara.

Pertandingan kemahiran ini terbuka kepada belia Malaysia yang berumur tidak melebihi 21 tahun semasa tahun pertandingan kecuali bagi bidang aircraft maintenance, mechatronic dan information network cabling yang mana umur pemohon tidak boleh melebihi 23 tahun. Jabatan turut menetapkan syarat iaitu pemenang pingat emas di dalam WSMB tidak dibenarkan untuk menyertai WSMB pada tahun seterusnya.

### 5.2.1 Bilangan permohonan dan penyertaan untuk WSMB 2017 adalah seperti berikut:

**Jadual 5.2 : Statistik Permohonan dan Penyertaan WSMB 2017**

| Bil | Bidang Kemahiran | Wsmb 2017 | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Permohonan Online | Layak Ke Pra-Q | Hadir Ke Pra Q | Layak Ke Peringkat Akhir |
| 1 | Automobile Technology | 99 | 99 | 99 | 10 |
| 2 | Beauty Therapy | 32 | 32 | 30 | 9 |
| 3 | Bricklaying | 30 | 26 | 25 | 8 |
| 4 | Cabinetmaking | 34 | 34 | 26 | 8 |
| 5 | Cooking | 109 | 63 | 61 | 11 |
| 6 | Decorating Painting | 38 | 26 | 26 | 6 |



BAB 5.indd 66 7/18/18 11:39 AM

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 7 | Electrical Installation | 97 | 79 | 79 | 9 |
| 8 | Electronics | 80 | 79 | 59 | 12 |
| 9 | Fashion Technology | 54 | 42 | 38 | 8 |
| 10 | Graphic Design Technology | 58 | 59 | 46 | 8 |
| 11 | Hairdressing | 32 | 18 | 18 | 7 |
| 12 | IT Network Systems Administration | 60 | 60 | 45 | 10 |
| 13 | IT Software Solution For Business | 50 | 50 | 41 | 10 |
| 14 | Joinery | 24 | 20 | 20 | 7 |
| 15 | Mechanical Eng. Design | 141 | 83 | 83 | 7 |
| 16 | Mechatronics | 74 | 74 | 58 | 14 |
| 17 | Plumbing & Heating | 15 | 11 | 11 | 5 |
| 18 | Refrigeration | 57 | 42 | 42 | 8 |
| 19 | Restaurant Service | 39 | 39 | 30 | 8 |
| 20 | Wall & Floor Tiling | 23 | 17 | 17 | 7 |
| 21 | Web Design | 70 | 70 | 34 | 8 |
| 22 | Welding | 93 | 61 | 61 | 9 |
| **Jumlah** | | **1235** | **1084** | **949** | **189** |

### 5.2.2 Berikut adalah penyertaan agensi semasa WSMB peringkat akhir.

Jadual 5.3 : Penyertaan agensi di peringkat akhir WSMB

| Bil | Agensi | Hadir Ke Pra-Q | Peringkat Akhir |
|---|---|---|---|
| 1 | Swasta | 388 | 32 |
| 2 | Jabatan Kebajikan Malaysia | 164 | 24 |
| 3 | GIATMARA | 120 | 24 |
| 4 | MARA | 147 | 15 |
| 5 | Institut Kemahiran Belia Negara | 143 | 6 |
| 6 | Jabatan Kebajikan Malaysia | 15 | 3 |
| 7 | Kolej Komuniti | 88 | 12 |
| 8 | Politeknik | 101 | 20 |
| 9 | Universiti Awam | 27 | 10 |
| 10 | Kolej Vokasional | 77 | 14 |
| 11 | WISDEC | 4 | 3 |
| 12 | ABM | 34 | 19 |
| 13 | CIAST | 2 | - |
| **Jumlah** | | **1310** | **182** |

Pada tahun 2017, sebanyak 22 bidang kemahiran telah dipertandingkan dalam WSMB seperti Jadual 5.4:

**Jadual 5.4: Bidang kemahiran yang dipertandingan di WSMB 2017 serta tarikh pertandingan**

<table>
<tr><th rowspan="2">Bil</th><th rowspan="2">Bidang</th><th rowspan="2">Anjuran</th><th colspan="2">Pertandingan pra Kelayakan</th><th colspan="2">Pertandingan pra kelayakan</th></tr>
<tr><th>Tarikh</th><th>Tempat</th><th>Tarikh</th><th>Tempat</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Automobile Technology</td><td rowspan="13">Jabatan Pembangunan Kemahiran</td><td rowspan="2">6 – 9 April 2017</td><td rowspan="2">Stadium Alor Setar, Kedah</td><td>11-15 Ogos 2017</td><td>CIAST, Shah Alam</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Cabinetmaking</td><td>12 – 15 Ogos 2017</td><td>WISDEC, Banting</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Beauty Therapy</td><td rowspan="3">24 – 27 April 2017</td><td rowspan="3">GIATMARA Prima Tasek Gelugor, Pulau Pinang</td><td rowspan="5">11-15 Ogos 2017</td><td rowspan="5">CIAST, Shah Alam</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Hairdressing</td></tr>
<tr><td>5</td><td>Fashion Technology</td></tr>
<tr><td>6</td><td>Electronics</td><td rowspan="2">24 – 27 April 2017</td><td rowspan="2">JMTI, Pulau Pinang</td></tr>
<tr><td>7</td><td>Mechatronic</td></tr>
<tr><td>8</td><td>Cooking</td><td rowspan="2">24 – 27 April 2017</td><td rowspan="2">UiTM, Pulau Pinang</td><td rowspan="2">11-14 Ogos 2017</td><td rowspan="2">UPM, Serdang</td></tr>
<tr><td>9</td><td>Restaurant Service</td></tr>
<tr><td>10</td><td>Web Design</td><td rowspan="4">26 April 2017</td><td rowspan="4">UTeM, Melaka</td><td rowspan="4">11-15 Ogos 2017</td><td rowspan="4">CIAST, Shah Alam</td></tr>
<tr><td>11</td><td>Graphic Design Technology</td></tr>
<tr><td>12</td><td>IT Software Solution for Business</td></tr>
<tr><td>13</td><td>IT Network System Administration</td></tr>
<tr><td>14</td><td>Electrical Installation</td><td rowspan="9">Kementerian Kerja Raya</td><td rowspan="8">24-27 April 2017</td><td rowspan="2">Akademi Binaan Malaysia (ABM)</td><td rowspan="9">13-18 Ogos 2017</td><td rowspan="9">Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Utara, Kedah</td></tr>
<tr><td>15</td><td>Refrigeration and Air Conditioning</td></tr>
<tr><td>16</td><td>Bricklaying</td><td rowspan="6">Wilayah Utara, Kedah</td></tr>
<tr><td>17</td><td>Wall and Floor Tilling</td></tr>
<tr><td>18</td><td>Welding</td></tr>
<tr><td>19</td><td>Painting & Decorating</td></tr>
<tr><td>20</td><td>Plumbing and Heating</td></tr>
<tr><td>21</td><td>Joinery</td></tr>
<tr><td>22</td><td>Mechanical Engineering Design (CAD)</td><td>18-22 April 2017</td><td>UniKL MFI</td></tr>
</table>




**Carta 5.1 : Pungutan pingat mengikut agensi**

## 5.3 Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2017 (MATEPM)

Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri (MATEPM) 2017 diadakan pada 16 November 2017 dan dirasmikan oleh YB Dato' Sri (Dr.) Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia. Seramai hampir 3000 orang telah hadir bagi memeriahkan majlis tersebut. Keputusan pemenang pingat dalam pertandingan WSMB 2017 diumumkan di majlis tersebut dan pingat-pingat disampaikan oleh Menteri Sumber Manusia, YB Dato'Sri (Dr.) Richard Riot Anak Jaem. Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri dimenangi oleh Abdul Razis bin Abdul Razak dari ILP Labuan dalam bidang Plumbing and Heating. Di akhir majlis, YB Menteri Sumber Manusia telah melancarkan Road to Bangkok 2018 dan Road to Kazan, Rusia 2019.



*Abdul Razis Bin Abdul Rajak dari Institut Latihan Perindustrian Labuan*

## 5.4 World Skills Competition (WSC) 2017

Pertandingan WSC merupakan pertandingan kemahiran peringkat tertinggi yang diadakan pada setiap dua (2) tahun sekali dalam memberi pengiktirafan kepada belia-belia berkemahiran unggul di seluruh dunia. WorldSkills International (WSI) merupakan organisasi yang menguruskan penganjuran WSC ini. Pada tahun 2017, WSC yang ke-44 telah berlangsung di Abu Dhabi National Exhibition Centre (ADNEC), Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu dari 14 hingga 19 Oktober 2017 dimana Jabatan Pembangunan Kemahiran diberi tanggungjawab dalam menguruskan penyertaan negara ke WSC 2017 tersebut. Seramai 125 Orang Kontinjen dan diketuai oleh YB Dato' Seri Hj Ismail Bin Abd Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia. Negara menyertai 20 bidang yang diwakili oleh 21 orang peserta negara.

Bagi memastikan pasukan negara mencapai sasaran yang ditetapkan, beberapa program telah diadakan seperti di bawah.

### a) Program Motivasi Peserta WSC 2017

Bagi memastikan pasukan negara mencapai sasaran yang ditetapkan, beberapa program telah disusun seperti dibawah.JPK, Kementerian Sumber Manusia telah bekerjasama dengan Kementerian Kerja Raya bagi megadakan tiga (3) siri program motivasi bagi persediaan peserta ke WSC 2017 Abu Dhabi. Objektif program ini adalah bagi memberi motivasi dan kesedaran kepada peserta Malaysia untuk lebih terus berdaya saing, juga memberi pemahaman kepada peserta mengenai tanggungjawab dan peranan yang dipikul sebagai "wakil Malaysia" dan memberi pendedahan dan penerangan mengenai persediaan diri ke WSC 2017.

**Jadual 5.5: Siri Program Motivasi Peserta WSC 2017**

| Siri | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|
| Siri 1 | 24 – 26 Mac 2017 | Kem Bina Negara Ulu Sepri, Rembau, Negeri Sembilan |
| Siri 2 | 24 Julai 2017 | Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), Kuala Lumpur |
| Siri 3 | 7 – 9 Oktober 2017 | CIAST, Shah Alam |





### b) Majlis Solat Hajat dan Penyampaian Amanat Ketua Kontinjen WSC 2017

Majlis ini diadakan di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Shah Alam pada 6 Oktober 2017. Majlis bermula dgn solat hajat yang diadakan di Surau CIAST dan diteruskan dgn Majlis Penyampaian Amanat Ketua Kontinjen, YB Dato' Sri Hj Ismail bin Hj Abd Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia selaku Chef de Mission Malaysia WSC 2017 kepada peserta negara serta ahli kontinjen negara ke WSC 2017.



BAB 5.indd 70 7/18/18 11:39 AM

### c) Majlis Pelepasan Kontinjen Negara ke WSC 2017 Abu Dhabi di KLIA

Majlis Pelepasan Kontinjen Negara ke WSC 2017 Abu Dhabi diadakan pada 9 Oktober 2017 bertempat di Ruang Legar Balai Pelepasan KLIA. Kontinjen negara berlepas ke Abu Dhabi secara berperingkat bermula dengan pelepasan kumpulan pertama yang di ketuai oleh YB Timbalan Menteri Sumber Manusia selaku Ketua Kontinjen, peserta, pakar dan urusetia pada 9 Oktober 2017 dan kumpulan kedua pada 12 Oktober 2017.

### d) Majlis Sambutan Kontinjen Negara dari WSC 2017 Abu Dhabi

Majlis Sambutan Kepulangan Kontinjen WSC 2017 Abu Dhabi telah diadakan di Ruang Legar KLIA (tingkat 3) pada 21 Oktober 2017 pukul 10.30 pagi. Kontinjen Negara telah kembali ke tanah air selepas berjuang selama hampir lima (5) hari bermula 14 hingga 19 Oktober 2017 di WSC 2017 Abu Dhabi. Negara telah berjaya membawa pulang dua (2) pingat gangsa dan 9 pingat kecemerlangan. Kemenangan dua pingat gangsa ini telah memecahkan rekod pencapaian Negara di WSC 2015 di mana satu (1) pingat gangsa telah diperolehi.

## 5.4.1 Pencapaian peserta Negara di WSC 2017 Abu Dhabi

Pada tahun ini, Negara telah berjaya meraih dua (2) pingat gangsa 9 *Medellion of Excelent*. Dengan pencapaian ini, Malaysia berada pada kedudukan 20 daripada 57 negara yang bertanding berdasarkan purata pingat yang diperolehi. Pemenang pingat gangsa diperolehi Mohd Asyraff Bin Yusni dalam bidang Automobile Technology dan Lai Jia Yi dalam bidang cooking.



**Muhammad Asyraff Bin Yusni**
*Pemenang Gangsa dan Best of Nation WSC 2017 Abu Dhabi bidang Automobile Technology dari DRB-HICOM University of Automotive Malaysia*



**Lai Jia Yi**
*Pemenang Pingat Gangsa WSC 2017 Abu Dhabi bidang Cooking dari TAYLOR's University*



BAB 5.indd 71 7/18/18 11:39 AM



## Gambar peserta Malaysia semasa WSC2017 :






BAB 5.indd 72 7/18/18 11:40 AM

worldskills
AbuDhabi2017
2017 مسابقة المهارات العالمية أبوظبي



























BAB 5.indd 74 7/18/18 11:41 AM

























BAB 5.indd 75 7/18/18 11:41 AM

Jadual 5.6: Pencapaian Peserta Negara di WSC 2017

| Bil | Bidang | Nama | Markah | Kedudukan Negara | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Automobile Technology | Mohd Asyraff Bin Yusni | 742 | 4/36 | Bronze / Best of Nation |
| 2 | Cooking | Lai Jia Yi | 740 | 4/42 | Bronze |
| 3 | Welding | Muhammad Zulhilmi Bin Mohd Saberi | 722 | 6/34 | Medallion of Excellence |
| 4 | Beauty Therapy | Tieu Jeng Yee | 721 | 7/29 | Medallion of Excellence |
| 5 | Refrigeration & Air Conditioning | Mohammad Afiz bin Ruslan | 721 | 6/23 | Medallion of Excellence |
| 6 | Hairdressing | Carolina Eve Sambag | 715 | 10/33 | Medallion of Excellence |
| 7 | Fashion Technology | Marufah Binti Jailan | 709 | 12/30 | Medallion of Excellence |
| 8 | Plumbing & Heating | Mohd Ferdaus Bin Zakaria @ Roslan | 701 | 14/29 | Medallion of Excellence |
| 9 | Cabinetmaking | Mohd Izuwan Bin Mat Rabi | 700 | 15/29 | Medallion of Excellence |
| 10 | Mechatronics | Fathul Ammar Amsyar Bin Hasbullah<br>Muhamad Excellence Zulhisyam Bin Hairoman | 700 | 21/41 | Medallion of Excellence |
| 11 | Web Design | Teoh Jia Jun | 700 | 18/35 | Medallion of Excellence |
| 12 | IT Software For Business Solution | Muhammad Ammar Bin Muhamad Sani | 696 | 16/27 | Sijil Penyertaan |
| 13 | IT Network System Administration | Jeffrey Ting Ming Yeong | 689 | 16/29 | Sijil Penyertaan |
| 14 | Electronics | Muhammad Yusri Bin Baharuddin | 683 | 15/23 | Sijil Penyertaan |
| 15 | Walls & Floor Tiling | Marinsun Lanun | 681 | 17/26 | Sijil Penyertaan |
| 16 | Electrical Installation | Ku Siti Khadijah Binti Ku Pera | 680 | 25/36 | Sijil Penyertaan |
| 17 | Mechanical CADD Engineering | Muhd Syafiq Bin Tumin | 680 | 16/25 | Sijil Penyertaan |
| 18 | Joinery | Amirul Ridwan Bin Mohd Azam | 678 | 21/25 | Sijil Penyertaan |
| 19 | Bricklaying | Muhammad Din Bin Duin | 674 | 21/30 | Sijil Penyertaan |
| 20 | Painting & Decorating | Muhammad Zulkifli Bin Sahdan | 649 | 19/22 | Sijil Penyertaan |



BAB 5.indd 76 7/18/18 11:41 AM




**Carta 5.2: Kedudukan Malaysia daripada semua Negara yang menyertai WSC dari 2005 – 2017**

Pencapaian Malaysia di WSC dari tahun 1993 hingga 2017 seperti berikut:




| | 1993 | 1995 | 1997 | 1999 | 2001 | 2003 | 2005 | 2007 | 2009 | 2011 | 2013 | 2015 | 2017 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| penyertaan | 3 | 17 | 18 | 12 | 10 | 15 | 9 | 14 | 9 | 10 | 14 | 19 | 20 |
| medallion | 1 | 2 | 3 | 3 | 4 | 5 | 2 | 2 | 2 | 5 | 9 | 12 | 9 |
| pingat | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 2 |

**Carta 5.3: Pencapaian Malaysia di WSC dari 1993 hingga 2017**

## 5.5 WorldSkills Malaysia Sarawak (WMS) 2017

WMS 2017 merupakan pertandingan kemahiran peringkat negeri Sarawak yang julung kali dianjurkan oleh JPK Wilayah Sarawak di bawah Kementerian Sumber Manusia dengan kerjasama Kerajaan negeri Sarawak melalui Kementerian Pendidikan, Sains, dan Penyelidikan Teknologi bertujuan mengiktiraf belia atau pelatih dari mana-mana institusi TVET di Sarawak yang mempunyai kemahiran yang unggul dan berpotensi untuk mewakili Sarawak ke pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan atau peringkat yang lebih tinggi lagi seperti WSMB, ASC dan WSC.

Pertandingan ini diadakan adalah untuk meningkatkan kekompetenan dan daya saing di kalangan pelatih institusi latihan kemahiran awam, swasta dan industri. Dengan adanya pertandingan ini, pelatih dapat bersaing secara sihat untuk menunjukkan kemahiran yang dimiliki di samping mendapat pengiktirafan dan ganjaran yang ditawarkan.

Pertandingan peringkat pra-kelayakan telah diadakan pada 19 hingga 29 September 2017 di sepuluh lokasi berbeza, mengikut bidang yang dipertandingkan. Sejumlah 209 orang peserta daripada pelbagai penyedia latihan TVET awam dan swasta di Sarawak telah menyertai pertandingan peringkat pra-kelayakan bagi sebelas (11) bidang yang dipertandingkan. Seramai 65 orang telah berjaya keperingkat akhir. Setiap bidang yang dipertandingkan diwakili seramai 6 orang peserta kecuali bidang automobile technology iaitu seramai 5 orang.

Bagi pertandingan peringkat akhir, sebanyak lapan (8) bidang telah diadakan di Borneo Convention Centre (BCCK) pada 27-29 Oktober 2017 iaitu bagi bidang automobile technology, bricklaying, painting & decorating, hairdressing, restaurant services, cooking, beauty therapy, dan fashion technology.

Bidang welding telah diadakan di CENTEXS pada 25-26 Oktober 2017, bidang electrical installation di Pusat Latihan Proaktif pada 27 Oktober 2017, manakala bidang refrigeration & airconditioning telah diadakan di Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak (PPKS) pada 26 Oktober 2017.

Perasmian penutupan pertandingan WorldSkills Malaysia Sarawak (WMS) 2017 telah disempurnakan oleh YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak pada 29 Oktober 2017 dalam majlis yang berlangsung dengan gilang gemilang. Turut hadir ialah YB Dato Sri (Dr) Richard Riot Jaem, Menteri Sumber Manusia, Dato Sri Michael Manyin Jawong, Menteri Pendidikan, Sains, & Penyelidikan Teknologi Sarawak, serta dif-dif kenamaan negeri dan persekutuan yang lain.

Bidang yang dipertandingkan

- Automobile Technology
- Bricklaying
- Painting & Decorating
- Hairdressing
- Restaurant Services
- Refrigeration & Air-conditioning
- Cooking
- Electrical Installation
- Beauty Therapy
- Fashion Technology
- Welding

## Gambar semasa pertandingan WMS 2017






































BAB 5.indd 80 7/18/18 11:41 AM

# BAB 6:
# PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

BAB 6 .indd 81 7/18/18 11:44 AM

# PENGURUSAN SUMBER MANUSIA




## 6.1 Perjawatan

Sehingga 31 Disember 2017, sebanyak 631 (93.34%) daripada 676 perjawatan dalam kategori Pengurusan & Profesional serta Pelaksana telah diisi. Perjawatan ini adalah merangkumi Ibu Pejabat JPK (Putrajaya dan Cyberjaya), CIAST dan enam (6) Pejabat Wilayah seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.1.

**Jadual 6.1: Status Perjawatan Mengikut Lokasi dan Kategori Jawatan**

| Lokasi & Kategori Jawatan | Pengurusan & Profesional | | Pelaksana | |
|---|---|---|---|---|
| | Perjawatan | Kekosongan | Perjawatan | Kekosongan |
| JPK Putrajaya & Cyberjaya | 166 | 10 | 125 | 10 |
| CIAST | 145 | 5 | 137 | 12 |
| Pejabat Wilayah | 43 | 4 | 60 | 4 |
| **Jumlah** | **354** | **19** | **322** | **26** |

## 6.2 *Human Resources Management Information System* (HRMIS)

HRMIS merupakan satu sistem pengurusan sumber manusia sektor awam yang bersepadu, komprehensif dan berteraskan kompetensi bermula daripada proses perancangan strategik tenaga manusia dan pengambilan pegawai sehingga pegawai bersara.

Bagi pengurusan HRMIS di peringkat Jabatan, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengaplikasikan tiga (3) modul yang perlu dilengkapkan untuk penilaian prestasi iaitu Modul Pengisian Rekod Peribadi, Rekod Perkhidmatan dan Rekod Pengisytiharan Harta. Bagi tahun 2017, prestasi pencapaian ketiga-tiga modul adalah 100% seperti dinyatakan dalam Rajah 6.1.




**Rajah 6.1: Prestasi HRMIS Jabatan Tahun 2017**



BAB 6 .indd 82 7/18/18 11:44 AM

## 6.3 Kenaikan Pangkat Dan Pemangkuan

Pada tahun 2017, seramai 19 pegawai daripada Jabatan telah mendapat kenaikan pangkat dan 15 pegawai telah diberi pemangkuan dalam gred dan skim masing-masing seperti dinyatakan dalam Carta 6.1.




**Carta 6.1: Kenaikan Pangkat Dan Pemangkuan Bagi Tahun 2017**

## 6.4 Pengurniaan Darjah Kebesaran

En. Mohamad Bin Yaacob (DV54) daripada Bahagian SLDN telah dianugerahkan Darjah Kebesaran **Kesatria Mangku Negara (KMN)** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V pada 29 November 2017 di Istana Negara.

## 6.5 Anugerah Perkhidmatan Cemerlangan

Bagi tahun 2017, seramai 29 pegawai daripada pelbagai gred dan skim telah menerima APC seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.2

**Jadual 6.2: Senarai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Bagi Tahun 2017**

| Bil. | Nama | Gred | Tempat bertugas |
|---|---|---|---|
| 1 | Mohd Sukri bin Ismail | DV54 | BKS |
| 2 | Abdul Halim bin Jahaya | DV48 | PMO |
| 3 | Dr. Alina binti A. Rahman @ Othman | DV48 | MOSQ |
| 4 | Nurhida binti Shaharuddin | DV48 | PPP |
| 5 | Sharida binti Mohd Shariff | DV48 | CIAST |
| 6 | Mohamad Riza bin Ismail | DV48 | CIAST |
| 7 | Haniza binti Burhan | DV48 | CIAST |
| 8 | Imalistyahusnanjaya bin Mat Hussin | DV48 | CIAST |
| 9 | Rohaizat bin Ramli | DV48 | CIAST |
| 10 | Mohd Sarfudin bin Awang | DV44 | BKS |
| 11 | Izwan Helmizan bin Ishak | DV44 | SLDN |
| 12 | Markhuza binti Mokhtar | DV44 | SLDN |
| 13 | Sharifah Erna binti Sayed Yusof | DV44 | MOSQ |
| 14 | Nasriah binti Johaidi | DV44 (M) | BKS |



BAB 6 .indd 83 7/18/18 11:44 AM

| Bil. | Nama | Gred | Tempat bertugas |
|---|---|---|---|
| 15 | Susana Ling Hie King | DV44 | PPP |
| 16 | Sarizal bin Md. Ani | DV44 | CSC Selandar |
| 17 | Shahrul Nizam bin Kasim | DV42 | CIAST |
| 18 | Ariffin bin Mohamad | DV42 | CIAST |
| 19 | Mohd Ropi bin Abdullah | DV42 | CIAST |
| 20 | Sanusi bin Shariff | DV42 | MOSQ |
| 21 | Shiadri binti Saleh @ Aman | DV42 | PKS |
| 22 | Wan Jiman bin Wan Drahman | DV42 | JPK Sarawak |
| 23 | Che Yuzairi Azwadi bin Che Yusof | DV41 | SLDN |
| 24 | Farwahida binti Ibrahim | DV41 | MOSQ |
| 25 | Norasmiza binti Azmi | DV41 | NOSS |
| 26 | Norliana binti Jemain | DV41 | JPK Tengah |
| 27 | Syed Najmuddin bin Syed Omar | DV38 | NOSS |
| 28 | Mohd Faisal bin Mat Ali | DV38 | CIAST |
| 29 | Norhaslina binti Abu Hasan | DV38 | CIAST |
| 30 | Mohd Yusri bin Pardi | DV38 | CIAST |
| 31 | Wan Mohammed Azmi bin Md Saman | DV36 | CIAST |
| 32 | Kartini binti Hamzah | DV36 | NOSS |
| 33 | Mohd Ariff bin Abd Ghani | DV36 | MOSQ |
| 34 | Azian binti Aziz | W36 | CIAST |
| 35 | Kasmalaila binti Mohd Salleh | N30 | CIAST |
| 36 | Norazura binti Mohd Aziz | N29 | PEJ. TKP (P) |
| 37 | Nornina Syakina binti Mat Jalil | N29 | JPK Timur |
| 38 | Lucy Samuel | N29 | JPK Sabah |
| 39 | Mohd Shalahuddin bin Mohamed Mokhtar | DV29 | CIAST |
| 40 | Mohd Rafizie bin Rahaidir | DV29 | CIAST |
| 41 | Siti Aminah binti Mohd Hadzir | DV29 | CIAST |
| 42 | Radazuan bin Shamsudin | N22 | CIAST |
| 43 | Atranja a/p All | W19 | KPSM |
| 44 | Hajar binti Hassan | N19 | CIAST |
| 45 | Noorazlinawati binti Hassan | N19 | KPSM |
| 46 | Nor Affizah binti Mohamad Yusoff | N19 | KPSM |
| 47 | Mohd Zaidi bin Md. Nor | N19 | JPK Utara |
| 48 | Siti Fatimah binti Hamdan | N19 | JPK Selatan |
| 49 | Ahmad Al Amin bin Mohamad Fuad | N11 | CIAST |
| 50 | Siti Azira binti Abdul Kadir @ Ahmad | N11 | KPSM |



BAB 6 .indd 84 7/18/18 11:44 AM

### 6.5.1 Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC)

Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) diangerahkan kepada pegawai yang menunjukkan kecemerlangan luar biasa dalam tugas yang dipertanggungjawabkan serta aktif dalam penglibatan dan sumbangan luar selain daripada tugas rasmi termasuk aktiviti sukarelawan, kemasyarakatan, kesukanan, kebudayaan dan sebagainya dan telah mengharumkan nama organisasi dan negara.

Bagi tahun 2017, En Ganesan A/L V. Murugesu telah menerima anugerah Pingat Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2016 di dalam Majlis Penganugerahan Jasamu Dikenang pada 11 Oktober 2017. Beliau merupakan seorang pekerja yang berdedikasi serta cekap dalam menjalankan amanah yang diberi. Prestasi beliau yang cemerlang sepanjang tahun 2016 telah melayakkan beliau untuk mendapat pengiktirafan sekaligus mengharumkan nama CIAST dan JPK diperingkat kementerian.

## 6.6 Jasamu Dikenang

Sepanjang tahun 2017, seramai enam (6) orang pegawai telah menamatkan perkhidmatan samada bersara wajib atau bersara pilihan seperti dalam Jadual 6.3.

**Jadual 6.3: Senarai pegawai yang bersara pada tahun 2017**

| Bil. | Nama Pegawai | Tarikh Bersara | Gred | Bahagian |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Hj. Omar bin Jusoh | 30.11.2017 | DV54 | CIAST |
| 2. | Rosli bin Daud | 1.10.2017 | DV38 | W. Selatan |
| 3. | Asiah binti Sulaiman | 6.10.2017 | N29 | CIAST |
| 4. | Norai binti Ahmad | 1.1.2017 | N19 | KPSM |
| 5. | Salehuddin bin Muhammad | 31.10.2017 | N19 | CIAST |
| 6. | Mahd Zaki bin Mahamad | 1.6.2017 | H11 | KPSM |

## 6.7 Dalam Kenangan

Dalam tahun 2017, tiga (3) orang pegawai telah kembali kerahmatullah. Semoga roh mereka dicucuri rahmat.

| Nama Pegawai | Tarikh |
|---|---|
| Ibrahim bin Ahmad | 25.7.2017 |
| Rozita binti Ismail | 4.8.2017 |
| Pezol Ahmad bin Yahya | 11.6.2017 |



BAB 6 .indd 85 7/18/18 11:44 AM

## 6.8 Inovasi & Kreatif

### 6.8.1 Pertandingan KIK - New Horizon Peringkat Kementerian Sumber

ManusiaKementerian Sumber Manusia telah mengadakan sambutan Hari Inovasi 2017 pada 25-26 Oktober 2017. Sambutan ini telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Dato' Sri Hj Ismail Bin Hj Abd. Muttalib dan ianya merupakan kemuncak kepada beberapa aktiviti serta pertandingan inovasi yang telah diadakan sepanjang tahun 2017. Dalam pertandingan ini, Jabatan telah menyertai beberapa kategori pertandingan seperti di bawah:

| | |
|---|---|
| **Kategori** | : Inovasi Penyampaian Perkhidmatan |
| **Tajuk Projek** | : Sesi Pembelajaran Teknologi Kimpalan Yang Tidak Efektif |
| **Nama Projek** | : Smart Welding Jig |
| **Pencapaian Projek** | : 4 Bintang |

| | |
|---|---|
| **Tajuk Projek** | : Pemantauan Kehadiran & Pergerakan Keluar Masuk Kakitangan yang Kurang Efisyen |
| **Nama Projek** | : Sistem eHadir |
| **Pencapaian Projek** | : 3 Bintang |

| | |
|---|---|
| **Kategori** | : Inovasi ICT |
| **Tajuk Projek** | : e-Profiling |
| **Pencapaian Projek** | : 3 Bintang |





*Peserta Pertandingan KIK*

### 6.8.2 Pencapaian Malaysia 28th International Invention, Innovation And Technology Exhibition (ITEX17)

Jabatan melalui CIAST telah menyertai ITEX17 yang telah diadakan pada 11-14 Mei 2017 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur yang dianjurkan oleh Malaysian Invention and Design Society (MINDS) dengan kerjasama World Intellectual Property Organisation (WIPO), C.I.S Sdn. Bhd. & Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Antara projek yang disertai adalah seperti berikut:



BAB 6 .indd 86 7/18/18 11:44 AM

**Projek 1: *Hybrid High Voltage Battery Simulator Training Kit***

